

**LAPORAN
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA (PICC)
PUTRAJAYA
22 HINGGA 24 JUN 2010**



LAPORAN
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
PADA 22 HINGGA 24 JUN 2010

PENDAHULUAN

1. Persidangan Perkhidmatan Pendidikan telah diadakan pada 22 hingga 24 Jun 2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Persidangan ini bertemakan '**Transformasi Profesional Keguruan**' dan dihadiri oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) serta agensi di bawah kedua-dua kementerian berkenaan. Persidangan ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat dan kesatuan-kesatuan guru dalam Perkhidmatan Pelajaran.

PESERTA PERSIDANGAN

2. Seramai 261 orang peserta telah mengambil bahagian pada persidangan kali ini. Senarai peserta adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

ATUR CARA PERSIDANGAN

3. Atur cara persidangan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

PERASMIAN PERSIDANGAN

4. Persidangan telah dirasmikan pada 22 Jun 2010 oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia.
5. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dalam ucapan aluannya menegaskan bahawa persidangan ini adalah penting untuk semua pegawai bersama-sama menjana idea dan

meneroka pendekatan baru ke arah meningkatkan prestasi perkhidmatan pendidikan selaras dengan usaha untuk melakukan transformasi dalam profesion keguruan. Penganjuran program seumpama ini menunjukkan komitmen Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dalam memastikan agar setiap inisiatif ke arah meningkatkan prestasi profesion keguruan dapat diintegrasikan secara bersepadu di antara semua agensi yang terlibat. Ini pastinya akan dapat memberikan kesan yang positif kepada peningkatan kualiti perkhidmatan pendidikan secara komprehensif di negara ini. Sesungguhnya, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam usaha untuk membangun dan memajukan negara. Hasil keutamaan yang diberikan kepada sektor pendidikan dalam dasar pembangunan negara, sektor ini telah melalui perkembangan yang amat pesat dalam pelbagai aspek termasuk penyediaan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, pembinaan kurikulum dan pengurusan pendidikan yang kesemuanya bermatlamat untuk meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan negara.

6. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin juga berkata dalam sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama, pendidikan di negara kita juga berperanan sebagai satu wahana yang ampuh untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan harmoni. Dengan melaksanakan satu sistem pendidikan kebangsaan, kerajaan berhasrat untuk memupuk nilai-nilai perpaduan yang positif di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Nilai-nilai ini yang disemai sejak di bangku persekolahan lagi pastinya akan dapat memupuk sikap rakyat yang positif terhadap perpaduan dan kerukunan hidup dalam sebuah masyarakat majmuk.

- Ucapan aluan Pengerusi SPP dan ucapan perasmian persidangan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN C** dan **LAMPIRAN D**.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

- Tujuh (7) kertas kerja telah dibentangkan bermula pada petang 22 Jun 2010 dan persidangan diakhiri dengan majlis forum yang dipengerusikan oleh Pengerusi SPP. Tiga (3) orang ahli panel terdiri daripada YBhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang, **Ketua Setiausaha KPM**, YBhg. Tan Sri Alimuddin bin Haji Mohd Dom, **Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM** dan YBhg. Dato' Haji Imran bin Idris, **Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, KPTM**.

Ketujuh-tujuh kertas kerja yang dibentangkan adalah seperti berikut:

- Kertas 1: Pemerhatian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Ke Atas Calon Yang Ditemu Duga Untuk Lantikan Tetap Ke Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan: Antara Skim Perkhidmatan dan Kemenjadian Guru**

Pembentang : YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah,
Pengerusi SPP.

Moderator : YBhg. Dato' Asariah binti Mior Shaharuddin,
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), KPM.

- Kertas 2: Kaedah dan Tata Cara Pemilihan Calon Bagi Mengikuti Kursus Perguruan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia - Satu Transformasi**

Pembentang : YBhg. Dr. Haji Zahri bin Aziz, Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, KPM.

Moderator : YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd. Hussein,

Anggota SPP.

(c) Kertas 3: Kurikulum Kursus Perguruan Di Institut Pendidikan Guru Malaysia - Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Rendah Yang Berwibawa

Pembentang : YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Moderator : YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd. Hussein, Anggota SPP.

(d) Kertas 4: Kurikulum Kursus Perguruan Di Institut Pendidikan Guru Malaysia - Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Menengah Yang Berwibawa

Pembentang : YBhg. Prof. Dr. Zakaria bin Kasa, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Moderator : YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd. Hussein, Anggota SPP.

(e) Kertas 5: Tata Cara Pengambilan dan Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Pembentang : YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail, Setiausaha SPP.

Moderator : YBrs. Puan Zaidah binti Mohamad Jaman, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM.

(f) Kertas 6: Status Semasa dan Hala Tuju Program Perguruan IPTA

Pembentang : YBhg. Prof. Madya Dr. Zarida binti Hambali,
Pengarah Bahagian Pengurusan
Pembangunan Akademik, Jabatan
Pengajian Tinggi, KPTM.

Moderator : YBhg. Dr. Khair bin Mohamad Yusof,
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor
Dasar dan Pembangunan Pendidikan) KPM.

**(g) Kertas 7: Transformasi Keguruan: Inovasi Perkhidmatan
Pendidikan**

Pembentang : YBhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji
Ahmad, Timbalan Pengerusi SPP.

Moderator : YBhg. Dr. Khair bin Mohamad Yusof,
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor
Dasar dan Pembangunan Pendidikan) KPM.

RUMUSAN PERSIDANGAN

9. Pada akhir persidangan Pengerusi SPP telah membentangkan rumusan persidangan seperti berikut:

(a) bahawa peranan SPP dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan dilaksanakan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun bagi urusan kenaikan pangkat, Perkara 144(5B)(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan penubuhan suatu Jemaah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk melaksanakan urusan ini. Dengan penetapan itu Suruhanjaya tidak lagi melaksanakan urusan berkenaan tetapi Suruhanjaya berkuasa menimbang rayuan kenaikan pangkat;

- (b) bahawa temu duga merupakan suatu platform untuk mengenalpasti calon memenuhi syarat skim perkhidmatan dan memiliki kriteria dari aspek mengesan potensi 'kemenjadian guru';
- (c) bahawa pengambilan dan penempatan Guru Sandaran Terlatih (GST) oleh KPM adalah antara aspek yang mempengaruhi pelantikan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP);
- (d) bahawa wujud isu *mismatch* di peringkat pemilihan, latihan dan penempatan. Ini disebabkan opsyen yang ditawarkan tidak selaras dengan ijazah yang dimiliki oleh calon. Ia akan merugikan negara dari segi penggunaan modal insan berdasarkan kebolehan dan kelayakan. Berlaku juga *mismatch* dari segi penetapan gaji permulaan yang berdasarkan kepada kelayakan akademik dan bukannya kepada beban tugas;
- (e) supaya diwujudkan perkongsian maklumat di antara SPP, KPM dan KPTM secara atas talian bagi memudahkan capaian untuk tujuan pelantikan dan penempatan;
- (f) bahawa KPM telah memperkemaskan syarat kemasukan calon ke kursus perguruan sebagai penanda aras bagi menjamin kualiti guru yang bakal dilahirkan. Di samping itu, calon juga disaring menerusi ujian *MTest* dan INSAK untuk semua bentuk kursus perguruan;
- (g) bahawa pembinaan sahsiah guru dijelmakan melalui kurikulum yang berteraskan konsep ketuhanan, kendiri dan kemasyarakatan. Justeru, program yang dirangka meliputi aktiviti pertukaran pelajar, praktikum di sekolah dan kokurikulum. Walau bagaimanapun, tempoh kursus bagi KPLI dan DPLI membataskan pelatih memahami dan menghayati kehendak-kehendak kurikulum;
- (h) supaya wujud persefahaman antara KPM dan KPTM untuk melaksanakan kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat;
- (i) supaya isu pengiktirafan ijazah sepatutnya diselesaikan apabila sesuatu kursus dilaksanakan;

- (j) bahawa tata cara pengambilan PPP mengambil kira kedudukan calon yang telah ditempatkan sebagai GST dan mereka yang sedang berkhidmat serta memperolehi ijazah yang melayakkan mereka untuk dipertimbang lantikan ke gred jawatan yang lebih tinggi;
- (k) bahawa calon hendaklah bertanggungjawab ke atas permohonan yang dibuat dan berhadapan penalti dari segi tarikh lantikan jika didapati cuai untuk mematuhi prosedur pelantikan yang ditetapkan;
- (l) bahawa laporan penilaian prestasi oleh pengetua dan guru besar hanya menjadi panduan kepada panel temu duga dan tidak menjadi faktor penentu calon lulus atau gagal dalam temu duga;
- (m) supaya KPTM bertindak menyelaraskan program-program pendidikan di IPTA berasaskan 10 perkara berikut:
 - (i) Kurikulum Program Pendidikan Guru;
 - (ii) Program Latihan Mengajar;
 - (iii) Kemudahan, Infrastruktur dan Persekutaran Pembelajaran;
 - (iv) Ambilan Guru dan Penempatan Graduan;
 - (v) Kelayakan Akademik, Kepakaran dan Tahap Profesionalisme Staf;
 - (vi) Aktiviti Akademia;
 - (vii) Hubungan Dengan Industri dan Komuniti;
 - (viii) Pengantarabangsaan Program Pendidikan Guru;
 - (ix) Program Perkembangan Profesional Pendidikan Guru; dan
 - (x) *Graduate Teachers Attribute*;
- (n) supaya skim PPP perlu kepada penjenamaan semula dengan mengambil kira laluan kerjaya yang lebih menarik;
- (o) supaya lantikan GST dan Gurus Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dimansuhkan secara berperingkat kerana:
 - (i) pertambahan institusi yang mengendalikan kursus

- perguruan bagi melahirkan guru yang terlatih; dan
- (ii) GST dan GSTT tidak menikmati faedah sebagai anggota kerajaan;
 - (p) supaya Ketua Jabatan lebih peka untuk mempercepatkan urusan perkhidmatan dan tata tertib bagi menjamin standard dan kebajikan guru terpelihara; dan
 - (q) supaya pemilihan calon untuk mengikuti kursus perguruan anjuran KPM perlu melibatkan sama SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik.
10. Rumusan bagi pembentangan kertas kerja Persidangan Perkhidmatan Pendidikan adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

PENUTUP

11. Persidangan Perkhidmatan Pendidikan telah ditutup dengan rasminya oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara. Beliau berharap semua yang hadir dapat menghayati serta mendalami tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap penjawat awam yang terlibat dalam pengurusan perkhidmatan pelajaran, baik di peringkat agensi pusat, Suruhanjaya, Kementerian serta agensi dan jabatan di bawahnya. Perbincangan secara terbuka ini pasti akan dapat membantu memastikan aspirasi negara ke arah mencapai pendidikan bertaraf dunia dapat direalisasikan dan dijajarkan dengan empat (4) tonggak utama yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri untuk dilaksanakan oleh pentadbiran awam sebagai agenda negara iaitu Gagasan 1 Malaysia - Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan, 7 pendekatan Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10.
12. Setiap tonggak tersebut mempunyai matlamatnya yang tersendiri bagi memacu pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Keempat-empat tonggak ini juga amat berkait rapat dengan peranan institusi pendidikan, khasnya oleh pegawai perkhidmatan pendidikan yang menjadi

pendukung utamanya dan pegawai lain yang terlibat dalam pengurusan perkhidmatan pelajaran. Guru berperanan penting untuk menyebarluaskan maklumat tepat mengenai aspirasi dan dasar-dasar negara kita. Ini kerana guru merupakan salah satu ejen utama yang berada dekat dengan masyarakat setempat, khususnya dengan kanak-kanak. Bagi memastikan signifikannya rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan, guru-guru berkualiti yang dilahirkan melalui pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidik sewajarnya sentiasa bersedia untuk mencurahkan bakti, berkhidmat di kawasan pedalaman walaupun kawasan tersebut mungkin serba kekurangan dari segi kemudahan asas dan alat bantuan mengajar.

13. Semua penjawat awam juga dituntut untuk berkhidmat dengan penuh integriti dan sentiasa menjaga imej dan maruah perkhidmatan awam. Melalui Program Transformasi Kerajaan, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah dikenal pasti untuk diberikan tumpuan. Salah satunya adalah berkaitan peningkatan pencapaian pelajar. Bagi memastikannya tercapai, beberapa pendekatan telah dicadangkan. Antaranya ialah mewujudkan 20 buah Sekolah Berprestasi Tinggi yang telah pun diumumkan pada awal tahun 2010 dan 100 buah lagi menjelang tahun 2012, serta mewujudkan instrumen saringan dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tahun 1, iaitu Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dengan kepakaran hampir 17,000 anggota perkhidmatan pendidikan. Melalui usaha ini adalah diharapkan anak-anak Malaysia akan mendapat manfaat yang lebih baik dan akhirnya menjadi generasi yang lebih berdaya saing.
14. Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, sikap mengutamakan kepentasan bertindak dan membuat keputusan amat dititikberatkan. Dalam dunia globalisasi yang serba bersaing ini, agensi-agensi kerajaan perlu bekerjasama secara sinergi dengan pihak swasta bagi mempertingkatkan daya saing negara. Bahkan, kerjasama di kalangan jabatan dan agensi kerajaan harus diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang membolehkan

sempadan birokrasi dihapuskan dan perkongsian idea, ilmu dan maklumat dibudayakan. Jabatan dan agensi kerajaan tidak boleh lagi bekerja atau bertindak dalam keadaan silo, tetapi hendaklah mengoptimumkan kepakaran dan keupayaan masing-masing bagi melakukan perubahan yang berimpak tinggi dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

15. Berikutan itu, YBhg. Ketua Setiausaha Negara menyarankan agar SPP, KPM dan KPTM mengintegrasikan pangkalan maklumat masing-masing bagi membolehkan ketiga-tiga pihak dapat berkongsi maklumat secara pintar dan dapat melaksanakan program yang dirancang berlandaskan maklumat yang lebih luas, bermakna dan tepat.
16. Ucapan penutupan persidangan YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara seperti di **LAMPIRAN F**.

Urus Setia
Persidangan Perkhidmatan Pendidikan
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia
Putrajaya

LAPORAN KERTAS KERJA 1

| | |
|-------------------|--|
| TAJUK | : Pemerhatian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Ke Atas Calon Yang Ditemu Duga Untuk Lantikan Tetap Ke Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan: Antara Skim Perkhidmatan Dan Kemenjadian Guru |
| PEMBENTANG | : YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah Pengerusi SPP |
| MODERATOR | : YBhg. Dato' Asariah binti Shaharuddin Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan) KPM |

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Pembentangan kertas kerja ini adalah berdasarkan pemerhatian SPP ke atas koleksi yang dikumpulkan melalui penilaian, dapatan dan dokumentasi sewaktu urusan temu duga.
2. Penubuhan SPP adalah hasil daripada syor Suruhanjaya Di Raja Aziz dalam laporannya pada Jun 1971. Berikutnya itu, perkhidmatan pelajaran diwujudkan di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran pula ditubuhkan di bawah Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan itu berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974.
3. Tugas SPP termaktub di bawah Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke jawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tata tertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan pelajaran.
4. Skim perkhidmatan PPP yang sedang berkuat kuasa untuk pelantikan ke jawatan tetap ialah:
 - (a) Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41; dan

- (b) Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) Gred DGA29.
5. Calon yang akan dilantik ke jawatan tetap sama ada sebagai PPPS Gred DG41 atau PPPLD Gred DGA29 hendaklah memenuhi syarat skim perkhidmatan seperti berikut:

| PPPS Gred DG41 | PPPLD Gred DGA29 |
|--|--|
| (a) Warganegara Malaysia; | (a) Warganegara Malaysia; |
| (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun; | (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun; |
| (c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Am atau Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan; | (c) Memiliki SPM, STPM atau Diploma; |
| (d) Memiliki Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan | (d) Memiliki Diploma Perguruan Malaysia; dan |
| (e) Mempunyai Kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM atau setaraf dengannya (termasuk lulus ujian Lisan). | (e) Mempunyai Kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM atau setaraf dengannya (termasuk lulus ujian Lisan). |

Sejumlah besar calon yang mengemukakan permohonan ialah GST, PPPLD yang lulus pengajian ijazah dan pelatih tahun akhir Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) di Institut Pendidikan Guru (IPG) KPM;

6. Penilaian bagi menentukan kesesuaian calon untuk lantikan tetap adalah melalui kaedah temu duga. Sehubungan itu, pengendalian temu duga mempunyai dua matlamat iaitu:
- memastikan calon telah memenuhi semua syarat pelantikan bagi skim perkhidmatan jawatan yang dipohonnya; dan
 - menilai kebolehan dan kesesuaian calon dari aspek “kemenjadian guru”.

7. Pembentang kertas kerja menakrifkan “kemenjadian guru” sebagai kesesuaian dan keperibadian seorang calon untuk berkhidmat sebagai guru yang berpengetahuan, berkemahiran dalam mengajar serta mendidik, menyerlahkan kebolehan mereka berfungsi sebagai guru berkualiti dan terbaik.
8. Empat kriteria penilaian yang digunakan untuk menilai calon ialah:
 - (a) cara penyampaian/komunikasi;
 - (b) perawakan/penampilan diri/sikap;
 - (c) pengetahuan ikhtisas/akademik; dan
 - (d) pengetahuan am/isu semasa.

Perangkaan calon yang dilantik dan gagal temu duga bagi tempoh lima tahun terakhir adalah seperti berikut:

| Tahun | Dilantik | Gagal | Peratus Gagal |
|---------------|-----------------|--------------|----------------------|
| 2005 | 15,362 | 715 | 4.65% |
| 2006 | 27,036 | 1,583 | 5.86% |
| 2007 | 23,459 | 463 | 1.97% |
| 2008 | 25,224 | 238 | 0.94% |
| 2009 | 32,289 | 228 | 0.71% |
| Jumlah | 123,370 | 3,227 | - |

9. Inisiatif baru SPP untuk mempercepatkan proses pelantikan tetap ialah dengan mengambil pendekatan menemu duga pelatih KPLI-IPG selepas mereka tamat menduduki peperiksaan akhir kursus perguruan. Empat kriteria yang digunakan untuk menilai prestasi calon ialah:
 - (a) personaliti dan sikap;
 - (b) kemahiran profesional keguruan;
 - (c) ilmu pengetahuan dan kefahaman; dan
 - (d) ilmu pengetahuan dan kemahiran bidang tugas.

Bagi menjamin kualiti dan ketelusan keputusan temu duga, panel temu duga dianggotai bersama oleh wakil KPM.

10. Pemerhatian SPP ke atas calon yang hadir temu duga dikategorikan dalam aspek berikut:

- (a) **Penyediaan Dokumen:** terdapat juga calon yang cuai dengan tidak membawa dokumen yang diperlukan semasa temu duga, menyebabkan mereka hadir tetapi tidak boleh ditemu duga;
- (b) **Prestasi Calon:** bagi calon yang sedang berkhidmat sama ada sebagai GST atau PPPLD, didapati mereka kurang memahami erti kurikulum. Sebilangan mereka mengukur kurikulum sebagai sukan pelajaran sedangkan kurikulum adalah bidang ilmu yang merangkumi segala aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Dalam pada itu, bagi pelatih di IPG didapati prestasi mereka dalam aplikasi pendidikan tidak begitu mantap kerana penghayatan mereka tertumpu kepada aspek asas teori ilmu pendidikan dan tidak kepada aspek aplikasi. Daripada 6,340 calon dari kalangan pelatih KPLI-IPG yang ditemu duga pada Oktober-Disember 2009, seramai 96 orang calon telah gagal kerana tidak memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

| Kriteria | Bilangan Calon Gagal |
|--|----------------------|
| (i) personaliti & sikap | 50 |
| (ii) kemahiran profesional keguruan | 61 |
| (iii) ilmu pengetahuan & kefahaman | 83 |
| (iv) ilmu pengetahuan & kemahiran bidang tugas | 78 |

- (c) ***Mismatch:*** bahawa wujudnya *mismatch* di peringkat pemilihan, latihan, penempatan dan penetapan gaji permulaan iaitu:
 - (i) **dari segi pemilihan:** latar belakang akademik seseorang calon bukan menjadi kriteria utama diambil kira dalam

- menentukan opsyen latihan perguruannya. Keadaan ini merugikan negara dari segi penggunaan modal insan berasaskan kebolehan dan kelayakan. Contohnya calon lulusan bidang Kejuruteraan diberi opsyen Pendidikan Khas; calon lulusan Perakaunan dilatih dalam opsyen Pra-sekolah atau calon lulusan bidang Pengajian Islam dan tidak tahu berbahasa Arab dipilih untuk mengikuti Kursus j-Qaf (bidang Bahasa Arab);
- (ii) **dari segi latihan:** calon terpaksa mengikuti opsyen perguruan yang berbeza daripada kelulusan akademiknya menyebabkan mereka gagal menghayati kurikulum latihan perguruan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (iii) **dari segi penempatan:** pihak pengurusan sekolah menetapkan calon-calon mengajar berasaskan kekosongan mata pelajaran sedia ada dan bukan mengikut opsyen pengajiannya;
- (iv) **dari segi penetapan gaji permulaan:** calon dibayar berasaskan kelayakan akademik dan bukannya beban tugas. Contohnya guru pra-sekolah berkelayakan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dibayar gaji permulaan pada mata gaji P1T10: RM2,057.65 sedangkan guru yang mengajar kelas peperiksaan di Tahun 6 yang berkelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dibayar pada mata gaji permulaan P1T4: RM1,967.20; dan
- (d) **Calon Bermasalah:** calon didapati menghadapi penyakit kritikal yang boleh menjelaskan penyampaian P&P. Terdapat juga pelatih yang tamat latihan perguruan mengalami masalah emosi seperti kemurungan dan ***schizophrenia*** yang sekiranya dilantik akan menjadi beban kepada pihak sekolah dan menjelaskan keselamatan pelajar.
11. Cadangan penambahbaikan untuk melahirkan guru yang berkualiti dan mempercepatkan proses lantikan adalah:
- (a) KPM perlu menyesuaikan latar belakang akademik calon dengan opsyen yang ditawarkan dalam kursus perguruan

terutamanya dalam menentukan calon yang berkelayakan profesional diberikan opsyen yang bersesuaian dengan bidangnya;

- (b) memperketatkan kaedah penilaian dari segi markah lulus/gagal peperiksaan kursus perguruan;
- (c) pelatih yang memberi komitmen tinggi sahaja yang akan bergraduat mengikut tempoh yang ditetapkan manakala calon *under-performed* akan dilanjutkan tempoh pengajian;
- (d) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diangkat sebagai institusi pendidikan terulung dan tidak terikat hanya untuk melatih guru khusus bagi mengajar di sekolah menengah sahaja. Dengan kepakaran yang dimiliki, UPSI sepatutnya diberi peluang untuk melatih guru untuk berkhidmat di sekolah rendah; dan
- (e) perkongsian maklumat di antara SPP dan KPM dari segi penyediaan biodata lengkap calon secara atas talian bagi memudahkan capaian maklumat untuk tujuan pelantikan tetap.

SESI SOAL JAWAB

Persidangan juga mengambil maklum bahawa perkara yang dibangkitkan berserta penjelasannya seperti berikut:

- (a) **Tuan Haji Mohamad Sabri bin Haji Mohd Arsad**, Presiden Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat ingin tahu mengapa tugas SPP yang disenaraikan dalam Perlembagaan Persekutuan diserahkan kepada KPM (dalam fungsi naik pangkat).

Jawapan: SPP melaksanakan tugas seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu memilih dan melantik guru di samping menguruskan perkhidmatan iaitu pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen. SPP hanya mewakilkan kuasa pelantikan kepada KPM untuk lantikan ke jawatan Pemandu dan Pembantu Am Pejabat. Dari segi urusan kenaikan pangkat, Perkara 144(5B)(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan penubuhan suatu Jemaah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk melaksanakan urusan ini. SPP pula bertindak sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat.

- (b) **Encik Noor Shah bin Saad**, Dekan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI membangkitkan persoalan mengenai data yang dikumpul untuk temu duga calon-calon perguruan di IPTA dan di manakah peranan UPSI dalam melatih calon-calon bagi pendidikan sekolah rendah.

Jawapan: Kemasukan calon untuk mengikuti kursus Diploma Perguruan Lepasan Ijazah (DPLI) di IPTA diuruskan oleh pihak KPM tetapi senarainya tidak pernah dimaklumkan kepada SPP. Justeru itu, langkah untuk mengadakan urusan temu duga calon perlu dibincangkan dengan lebih teliti dengan pihak KPM supaya dapat dipastikan hanya calon tajaan KPM yang sahaja dipanggil temu duga.

Prestasi temu duga calon lulusan UPSI pernah dibincangkan dengan pihak UPSI pada Februari 2010 di mana Timbalan Naib Canselor UPSI turut hadir dalam pertemuan tersebut.

Sebelum KPTM diwujudkan, UPSI telah diberi peranan untuk melatih guru sama ada untuk berkhidmat di sekolah menengah

atau sekolah rendah. Apabila KPTM diwujudkan, berlaku pembahagian kuasa dan kini fungsi UPSI sama seperti IPTA lain dan bukan lagi memberi fokus kepada pendidikan sahaja. Untuk mengembalikan semula peranan UPSI, tindakan susulan ke atas cadangan ini perlu diusahakan.

- (c) **Encik Sazali bin Ahmad** dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM membangkitkan persoalan mengenai kemampuan SPP untuk turut terlibat sama dalam proses pemilihan calon ke IPG. Berhubung dengan cadangan UPSI untuk penyelarasan kurikulum dengan semua IPTA, adakah perlu UPSI diletakkan di bawah bidang kuasa KPM?

Jawapan: SPP hanya bertindak dan dilibatkan di peringkat akhir pemilihan calon untuk mengikuti kursus perguruan di IPG, tetapi peringkat awal pemilihan yang meliputi pelaksanaan peperiksaan, masih dikendalikan oleh KPM.

- (d) **Encik T. Kuna Cegeram** daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) membangkitkan isu penetapan gaji permulaan bagi calon lulusan KPLI. Contohnya, perbezaan gaji yang diterima oleh calon yang memiliki Ijazah Perakaunan tetapi mengajar mata pelajaran Sains dibandingkan dengan calon yang memiliki Ijazah Kepujian tetapi mengajar mata pelajaran yang sama. Persoalan ke dua adalah mengenai calon bukan tajaan KPM yang memiliki kelayakan ikhtisas tidak dipanggil temu duga.

Jawapan: Penetapan gaji permulaan guru berdasarkan akademik yang diwujudkan sejak tahun 70-an adalah untuk menarik golongan profesional daripada lulusan perakaunan dan kejuruteraan memasuki profesi perguruan. Peruntukan sedemikian dalam skim perkhidmatan mungkin perlu diperhalusi semula bagi menentukan sama ada masih lagi relevan dan memenuhi keperluan semasa.

SPP hanya menemuduga calon-calon yang telah diberi penempatan oleh KPM. Calon dari pasaran terbuka perlu membuat permohonan dengan KPM untuk dilantik sebagai GST.

Dasar ini masih terpakai melainkan jika berlaku perubahan dasar dalam konteks pengambilan calon kursus perguruan di IPG atau IPTA.

LAPORAN KERTAS KERJA 2

| | |
|-------------------|---|
| TAJUK | : Kaedah Tatacara Pemilihan Calon Guru Bagi Mengikuti Kursus Perguruan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia: Satu Transformasi |
| PEMBENTANG | : YBrs. Dr. Haji Zahri bin Aziz Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia |
| MODERATOR | : YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd Husein Anggota SPP |

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Pembentang kertas kerja memberi pengenalan mengenai maksud “guru berkualiti” yang ditakrifkan sebagai guru yang berkaliber, berpotensi dan berwawasan. Usaha untuk menzahirkan “guru berkualiti” perlu mendapat sokongan dan dokongan dari semua pihak, justeru keutamaan wajar diberi dalam aspek syarat dan kriteria pemilihan calon ke IPG, cabaran dalam pemilihan calon berkualiti dan usaha pemantapan bagi melestarikan guru.
2. KPM bertanggungjawab memastikan calon guru yang dipilih mengikuti Kursus Perguruan adalah memenuhi syarat kemasukan. Mereka merupakan modal insan yang menjadi pemungkin bagi menjayakan Rancangan Transformasi Negara. Pembentang juga menegaskan bahawa Rancangan Transformasi Negara ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 mengambil masa untuk direalisasikan.
3. *The quality of an education system cannot exceed the quality of its teachers* (McKinsey, 2007). Daripada petikan ini, pembentang menggariskan beberapa kualiti yang perlu ada pada seseorang guru iaitu:
 - (a) kreatif dan inovatif;
 - (b) minat terhadap profesion keguruan;

- (c) berpengetahuan dalam bidang pengajaran;
 - (d) mahir berkomunikasi dan mampu menyampaikan idea dengan berkesan;
 - (e) bersumber daya (*resourceful*); dan
 - (f) celik IT.
4. KPM telah memperkemaskan syarat dan kriteria kemasukan ke dalam Kursus Perguruan iaitu calon bukan sahaja memiliki kelayakan akademik terbaik tetapi mesti juga melalui ujian sahsiah diri dan sikap menerusi ujian *MTest* dan *INSAK* yang digunakan sebagai tapisan untuk pemilihan calon bagi semua program perguruan selain daripada memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh KPM.
5. Di antara cabaran yang dihadapi dalam pemilihan calon guru berkualiti adalah kurangnya permohonan daripada calon cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Berasaskan kajian oleh Makmal NKRA “Kualiti Guru” yang dijalankan ke atas pelajar sekolah cemerlang dan berprestasi tinggi, pelajar hanya akan memilih kerjaya guru sebagai pilihan terakhir. Walau bagaimanapun, jumlah calon yang memohon untuk mengikuti kursus perguruan adalah sangat tinggi berbanding dengan jumlah unjuran yang diperlukan untuk mengikuti kursus perguruan iaitu 1:50. Selain daripada itu, KPM juga menghadapi masalah untuk menempatkan guru-guru di kawasan pedalaman kerana mereka kurang berminat, sekali gus mempengaruhi motivasi, sikap dan tanggungjawab terhadap profesion keguruan.
6. Di antara langkah penamaian kualiti profesion keguruan yang telah diusahakan ialah memantapkan latihan perguruan, melonjakkan kecemerlangan institusi perguruan dan menambah baik laluan kerjaya serta kebijakan guru.
7. Sistem pendidikan guru yang berkualiti memberi fokus kepada tiga elemen iaitu input, proses dan produk. Produk yang dimaksudkan ialah melahirkan pelajar dengan sahsiah diri cemerlang, berpengetahuan dan berkemahiran. Sehubungan itu, pelajar perlu dididik oleh guru yang berkaliber, berkompetensi dan berwawasan.

Kelangsungan untuk proses kelestarian atau mengekalkan watak guru sedemikian perlu diusaha dan diteruskan secara terancang oleh pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Negeri.

8. Adalah diakui bahawa pencapaian pelajar bukan hanya bergantung kepada pembangunan fizikal sebaliknya turut dipengaruhi oleh guru yang berkualiti ke arah memenuhi matlamat pendidikan.
9. Dalam usaha melestarikan kualiti guru, proses pengambilan, latihan pra perkhidmatan dan pembangunan profesionalisme guru perlu dibuat secara holistik. Dengan itu, kualiti guru akan terjamin dan hasrat negara untuk membangunkan modal insan bertaraf dunia dapat direalisasikan. Elemen ke sembilan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) juga menekankan bahawa guru yang berkualiti perlu mahir dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

LAPORAN KERTAS KERJA 3

TAJUK : **Kurikulum Kursus Perguruan Di IPG: Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Rendah Yang Berwibawa**

PEMBENTANG : **YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan**
Rektor, Institut Pendidikan Guru, KPM

MODERATOR : **YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd Husein**
Anggota SPP

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Terdapat dua program utama latihan perguruan yang dilaksanakan di IPG iaitu Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (PISMP). Pembentang kertas kerja menyatakan kurikulum di sekolah rendah merupakan asas kepada dasar pendidikan negara.
2. Latar belakang program pendidikan guru di IPG adalah seperti berikut:

| Tahun | Program | Keterangan |
|-------|---|--|
| 1956 | Latihan Perguruan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah | Fokus utama adalah bagi melatih guru untuk mengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kelayakan masuk bagi latihan sekolah rendah ialah lulus Lower Certificate of Education (LCE) di mana latihan adalah selama tiga tahun manakala kelayakan masuk bagi latihan sekolah menengah ialah Malayan Certificate of Education (MCE) di mana latihan adalah selama dua tahun. |

| Tahun | Program | Keterangan |
|--------------|--|---|
| 1979 | Kurikulum Latihan Perguruan Asas Tiga Tahun diperkenalkan bagi memantapkan latihan perguruan. | Mengandungi lima komponen utama iaitu kursus teras, kursus pengkhususan mata pelajaran sekolah, kursus penyuburan diri/pedagogi khas, latihan mengajar dan gerak kerja kokurikulum. Penambahbaikan kurikulum dengan memberi fokus kepada meningkatkan penyertaan murid dalam pendidikan dan meningkatkan mutu pendidikan. |
| 1986 | Kursus Sijil Perguruan Lepasan Ijazah (SPLI) | Bertujuan melatih guru pelatih lepasan ijazah yang memiliki ijazah sarjana muda dalam pelbagai bidang sama ada dari universiti tempatan atau luar negara. |
| 1989 | Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) bagi menggantikan program SPLI. | Menawarkan Diploma Perguruan Malaysia. |
| 1996 | Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) diperkenalkan bagi menggantikan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun bagi melatih guru-guru sekolah rendah. | Kurikulum KDPM memberi tumpuan kepada pengkhususan dua major yang seterusnya berubah menjadi major dan minor. |
| 2006 | Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PISMP) ditawarkan oleh Institut | Bertujuan melahirkan guru sekolah rendah yang berijazah di mana pelajar perlu mengikuti kursus persediaan selama tiga semester dan ditawarkan mengikuti PISMP dengan Kepujian selama empat tahun. Kurikulum PISMP juga digunakan untuk Program Pensiswazahan Guru Sekolah |

| Tahun | Program | Keterangan |
|-------|--|--|
| | Pendidikan Guru (IPG) yang telah dinaik taraf dari Maktab Perguruan. | Rendah (PGSR) bagi latihan guru-guru dalam perkhidmatan. |

3. Pertimbangan utama dalam menghasilkan sesuatu kurikulum ialah objektif yang hendak dicapai berdasarkan matlamat serta wawasan negara. Terdapat empat tonggak kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa kini yang perlu disokong oleh guru yang berkualiti iaitu:
 - (a) merealisasikan gagasan 1Malaysia ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’;
 - (b) Pelan Transformasi Kerajaan;
 - (c) Model Ekonomi Baru; dan
 - (d) Rancangan Malaysia ke-10.
4. Selain itu, Standard Guru Malaysia (SGM) dijadikan panduan dalam pembinaan Kurikulum Pendidikan Guru. Tiga perincian SGM yang ditekankan oleh pembentang adalah:
 - (a) amalan nilai profesionalisme keguruan;
 - (b) pengetahuan dan kefahaman; dan
 - (c) kemahiran dan pembelajaran.
5. Dalam mereka bentuk Kurikulum Pendidikan Guru, dua asas penting yang diterapkan ialah Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang diyakini dapat melahirkan guru yang berkualiti tinggi.
6. Seterusnya Model Konseptual Guru dibina bagi memperincikan kurikulum pendidikan guru daripada unsur-unsur yang terdapat di dalam FPN dan juga FPG. Model ini digubal berdasarkan kepada tiga dimensi utama iaitu kendiri, masyarakat dan ketuhanan. Pengisian ketiga-tiga dimensi ini merangsang dan menggalakkan

calon untuk meningkatkan ilmu, patuh kepada amalan kepercayaan agama, membentuk sahsiah diri yang berkekerti mulia dan memiliki daya ketahanan yang mantap, seterusnya bertindak sebagai pendidik yang cemerlang dan menjadi agen perubahan.

7. Selain itu, elemen utama yang terkandung dalam FPN dan FPG turut menjadi asas dalam pembinaan kurikulum pendidikan guru di IPG bagi program PISMP. Kurikulum PISMP direka bentuk berdasarkan prinsip berikut:
 - (a) **berasaskan hasil pembelajaran:** menunjukkan kefahaman terhadap ilmu yang diperolehi serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat;
 - (b) **koheren:** kurikulum dirancang mengikut turutan dan keselarasan berdasarkan pelbagai jenis pengalaman;
 - (c) **spiral and development:** kandungannya saling melengkapi serta pengalaman pembelajaran secara teori dan pengalaman praktikal disepadukan;
 - (d) **holistik:** menyeluruh dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga nilai; dan
 - (e) **praktikal dan kontekstual:** aplikasi teori untuk membina insan guru yang dapat menangani cabaran sebagai pendidik melalui kaedah pelatih dimestikan menjalani latihan mengajar di sekolah.

8. Dalam pelaksanaan kurikulum di IPG, terdapat beberapa perbezaan di antara program KPLI dan PISMP iaitu:

| Perkara | KPLI | PISMP |
|------------------------|--------------------|-----------------------|
| (a) Calon | lepasan Universiti | lepasan cemerlang SPM |
| (b) Tempoh | 39 minggu | 4 tahun (8 semester) |
| (c) Program Persediaan | tiada | 1½ tahun (3 semester) |
| (d) Kredit | 41 | 133 |
| (e) Anugerah | Diploma | Ijazah |

9. Walaupun terdapat perbezaan ciri umum KPLI dan PISMP namun pembinaan kurikulumnya mempunyai matlamat yang sama iaitu melahirkan guru yang berkualiti dan berwibawa. Oleh yang demikian, beberapa pendekatan telah dilaksanakan iaitu:
- (a) pendekatan *generalist-specialist* di mana pelatih bukan sahaja mengambil subjek major di IPG malah perlu mengambil dua lagi subjek elektif. Salah satu subjek elektif tersebut adalah subjek Pendidikan Jasmani bagi memenuhi dasar Satu Murid Satu Sukan;
 - (b) pendedahan bakal guru kepada kemahiran pedagogi dan mengajar melalui komponen amalan profesional yang melibatkan aktiviti pengalaman berasaskan sekolah, praktikum dan *internship*; dan
 - (c) memberi penekanan terhadap pembentukan sahsiah guru permulaan melalui program Bina Insan Guru seperti aktiviti perkhemahan yang bertujuan membentuk sikap unggul serta memupuk nilai-nilai murni yang diperlukan seperti kerjasama, kesabaran, kerja berpasukan dan keyakinan diri.

LAPORAN KERTAS KERJA 4

| | |
|-------------------|---|
| TAJUK | : Kurikulum Kursus Perguruan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam – Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Menengah Berwibawa |
| PEMBENTANG | : YBhg. Prof. Dr. Zakaria bin Kasa Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPSI |
| MODERATOR | : YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd Husein Anggota SPP |

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Kursus pendidikan di IPTA telah berkembang pesat bermula dengan penawaran kursus Diploma Pendidikan sehingga ia diambil alih oleh Maktab Perguruan pada awal tahun 1980-an. Selepas itu IPTA diberi tanggungjawab untuk mengendalikan ISMP bagi mengisi keperluan guru di sekolah menengah.
2. Sebanyak 13 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan kursus ISMP yang bertanggungjawab melahirkan bakal guru yang akan berkhidmat di sekolah menengah di seluruh negara.
3. Struktur kurikulum ISMP di IPTA terdiri daripada sembilan komponen iaitu:
 - (a) kursus universiti;
 - (b) kursus pendidikan;
 - (c) ko-kurikulum;
 - (d) kursus major;
 - (e) latihan mengajar;
 - (f) latihan industri;
 - (g) kursus minor;
 - (h) tumpuan kedua; dan

- (i) elektif.
4. Majlis Dekan Pendidikan telah menetapkan jumlah keseluruhan jam kredit bagi program ISMP iaitu di antara 128-132 jam. Komponen kursus ISMP dirangka agar para pelajar dapat menggabung jalinkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan pengujian dan penilaian dalam menjalankan tugas sebagai guru.
 5. Ko-kurikulum merupakan komponen penting dalam kurikulum ISMP yang menjadi nilai tambah kepada guru apabila bertugas kelak. Ini selaras dengan dasar kerajaan yang ingin melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang di dalam kurikulum malah menyerlah di dalam ko-kurikulum.
 6. Program latihan mengajar memberi pengalaman sebenar kepada bakal guru realiti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta cabaran yang bakal dihadapi apabila diberi penempatan kelak.
 7. Sebagai menyahut seruan kerajaan agar seseorang guru boleh mengajar dua mata pelajaran, IPTA telah menyediakan pilihan kursus minor atau tumpuan kedua sebagai persediaan untuk mengajar subjek yang bukan opsyen pengajaran mereka.
 8. IPTA telah menggariskan beberapa panduan bagi memelihara kualiti program ISMP iaitu:
 - (a) memastikan setiap kursus yang ditawarkan telah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
 - (b) penilaian oleh penilai luar bagi program yang telah dilaksanakan bertujuan untuk penambahbaikan secara berterusan ke atas kualiti program;
 - (c) pemantauan secara berterusan atau berkala ke atas pensyarah berkaitan kursus yang diajar;
 - (d) melakukan penambahbaikan berdasarkan penilaian dan pemantauan yang dibuat; dan

- (e) menjamin kualiti pengajaran dengan memastikan setiap tenaga pengajar berpengetahuan dan berpengalaman serta menggalakkan mereka menyambung pelajaran ke peringkat Ph.D.
9. Pembentang turut membincangkan konflik yang timbul di antara penawaran program ISMP dan DPLI iaitu:
- (a) pelajar ISMP adalah kelompok yang diberi persediaan untuk menjadi guru sedangkan pelajar DPLI terdiri daripada graduan pelbagai bidang ilmu yang memilih kerjaya keguruan sebagai pilihan terakhir;
 - (b) pembiayaan pendidikan pelajar ISMP ialah menerusi pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Malaysia (PTPTN) sebaliknya pelajar DPLI menerima elauan daripada KPM;
 - (c) pelajar DPLI diberi keutamaan penempatan oleh KPM berbanding graduan ISMP;
 - (d) jangka masa kursus DPLI yang lebih singkat iaitu hanya 10 bulan dibimbangi akan menjas kualiti guru yang dihasilkan; dan
 - (e) guru lepasan DPLI sering diminta untuk mengajar mata pelajaran yang bukan bidang/opsyen semasa di universiti (isu *mismatch*).
10. Berikut adalah cadangan penambahbaikan kurikulum guru yang ditawarkan oleh IPTA:
- (a) kurikulum yang dibentuk hendaklah mengambil kira keperluan KPM di mana guru perlu mahir dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan kelayakan profesional dan ikhtisas;
 - (b) kurikulum yang diajar di IPTA tidak wajar berbentuk statik. Ia sepatutnya terbuka kepada perubahan dalam sistem pendidikan dan dasar kerajaan. Kajian keperluan ini boleh dilakukan dari semasa ke semasa melalui penilaian oleh pakar dari dalam dan luar negara;

- (c) bimbingan perlu terus diberikan pada peringkat awal penempatan oleh pihak sekolah dan universiti memandangkan pengalaman yang diperoleh semasa latihan mengajar belum mencukupi untuk memberikan persediaan kepada guru dengan realiti pengajaran dan pembelajaran (guru novis);
- (d) pihak IPTA dan KPT sendiri sepatutnya menggalakkan tenaga pengajarnya untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan kurikulum yang diajar seiring dengan peredaran masa dan lebih bersifat lokal;
- (e) program pertukaran pelajar boleh dilaksanakan di antara IPTA, IPG dan universiti luar negara sebagai pendedahan kepada guru terhadap suasana pengajaran yang berbeza dan ia boleh dikongsi dengan rakan yang lain;
- (f) pembelajaran secara *experiential* boleh dijadikan amalan kerana ia memberi nilai tambah kepada pembelajaran di dalam kelas dan sebagai persediaan menghadiri cabaran dunia pendidikan;
- (g) cadangan mewujudkan sekolah makmal wajar diteruskan sebagai langkah memperkasa kualiti guru yang bakal dikeluarkan oleh IPTA;
- (h) rangkaian perhubungan (*networking*) yang baik harus diwujudkan di kalangan IPT bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam bidang pendidikan;
- (i) memperketatkan syarat kemasukan pelatih bukan sahaja dari segi pencapaian akademik tetapi juga kepada *atribute* seorang guru;
- (j) tempoh pengajian DPLI perlu dipanjangkan bagi menjamin kualiti guru yang bakal dikeluarkan;
- (k) peranan guru sepatutnya dikembalikan kepada tugas hakiki sahaja dan tidak dibebani dengan tugas perkeranian dan pengurusan;

- (l) ibu bapa dan masyarakat harus dilibatkan secara aktif di dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah; dan
- (m) layanan yang sama diberi kepada guru tanpa mengambil kira cara kemasukan mereka dalam program pendidikan sama ada lepasan IPG atau IPTA.

SESI SOAL JAWAB

Persidangan juga mengambil maklum perkara yang dibangkitkan berserta penjelasannya seperti berikut:

- (a) **YBhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad**, Timbalan Pengerusi SPP mengajukan persoalan bahawa berdasarkan pengalaman temu duga yang dikendalikannya, didapati seolah-olah kurikulum kursus perguruan di IPTA dan IPGM tidak memberatkan calon untuk lebih memahami dasar yang diamalkan dalam sistem pendidikan negara seperti KBSR dan Falsafah Pendidikan Negara. Di samping itu berdasarkan Jadual 1 - Kertas Kerja 3, beliau ingin mengetahui perincian ilmu pendidikan yang diajar dalam tujuh jam kredit.

Jawapan: Dr. Haji Zahri bin Aziz menjelaskan bahawa modul kursus perguruan memang mengutamakan dasar yang diamalkan dalam sistem pendidikan negara iaitu KBSR, KBSM dan Falsafah Pendidikan Negara. Walau bagaimanapun, penghayatan calon terhadap aplikasinya adalah tertakluk kepada individu itu sendiri. Mengikut Rektor IPG, YBhg. Dato' Dr. Haili bin Dolhan, tujuh jam kredit yang diperuntukkan dalam pengajaran ilmu pendidikan masih tidak mencukupi untuk merangsang calon menghayati dasar dan Falsafah Pendidikan Negara dan dengan itu tempoh pengajian wajar dipanjangkan untuk mempersiapkan calon agar lebih menjiwai ilmu yang diperolehi untuk diterapkan dalam proses P&P.

- (b) **YBhg. Dato' Rahimah binti Dato' Haji Ahmad** seterusnya membangkitkan persoalan mengenai isu pengiktirafan kelayakan ijazah di mana timbul kesukaran di pihak Suruhanjaya selaku Pihak Berkuasa Melantik semasa temu duga pelantikan tetap.

Jawapan: Terdapat dua peringkat yang perlu dilalui berkenaan isu

pengiktirafan ijazah iaitu MQA dan JPA. Sepatutnya isu pengiktirafan ijazah perlu diselesaikan segera apabila sesuatu kursus dikendalikan oleh IPTA atau IPTS.

- (c) **YBhg. Dato' Hjh Rahimah binti Haji Ahmad**, Timbalan Pengerusi SPP ingin mendapatkan kepastian sama ada ujian *MTest* adalah mandatori bagi semua calon guru j-Qaf bagi mengikuti Kursus Perguruan.

Jawapan: Ya, ujian *MTest* turut melibatkan calon j-Qaf.

- (d) **Encik Noor Shah bin Saad** dari UPSI bertanyakan mengenai tahap kualiti guru yang berada di dalam sistem pendidikan sekarang.

Jawapan: Profesor Dr. Zakaria bin Kasa mengakui bahawa guru-guru dalam perkhidmatan wajar didedahkan dengan ilmu-ilmu kemahiran baru dan semasa melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan dan mencadangkan pihak KPM dan IPTA berbincang untuk menentukan tugas, tanggungjawab dan hala tuju dalam melaksanakan program ini.

- (e) **YBhg. Dato' Haji Mazlan bin Mohamad** dari Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tengku Ampuan Afzan mengajukan soalan berhubung kedudukan calon yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah bagi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Adakah mereka akan menjalani latihan di SK, SJKC atau SJKT mengikut bidang yang diikuti dan adakah akan terus ditempatkan di sekolah berkenaan hingga bersara?

Jawapan: Dr. Zahri bin Aziz menyatakan bahawa Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM diberikan senarai kursus yang perlu diadakan dan bilangan calon yang perlu dipilih berdasarkan keperluan. Beliau turut menyatakan bahawa bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah bagi SK, SJKC dan SJKT baru diperkenalkan pada tahun ini dan tidak mengkhusus kepada Bahasa Melayu sahaja. Bagi menjalani kursus tersebut, terdapat permintaan supaya kredit dalam Bahasa Mandarin dijadikan salah

satu syarat kemasukan. Sekiranya calon tidak memiliki kelayakan tersebut, calon dikehendaki mengambil Bahasa Mandarin sebagai subjek elektif. Penempatan bagi calon adalah berdasarkan SJKC dan SJKT seperti yang telah dipilih oleh calon.

Jawapan oleh YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan pula menyatakan IPG akur kepada senario di Malaysia iaitu profesionalisme dan tuntutan kekosongan serta dasar yang telah ditetapkan iaitu perpaduan dan mendidik anak bangsa. Dari segi pelaksanaan, bagi calon guru yang bukan opsyen pengkhususan dalam Bahasa Mandarin, satu kohort tidak semestinya mengajar di SJKC. Ini kerana ia tidak dikelompokkan memandangkan dari segi pentadbiran adalah tidak wajar. Tetapi jika calon mengikuti pengkhususan dalam Bahasa Mandarin, maka mereka akan ditempatkan di SJKC.

- (f) **YBrs. Dr. Fatnah binti Mohamad** dari Universiti Malaya bertanyakan bagaimana sahsiah guru dibina berdasarkan ajaran agama dikaitkan dengan Model Konseptual Guru.

Jawapan: Jawapan oleh YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan ialah pembinaan sahsiah guru dibentuk berdasarkan kepimpinan sekolah itu sendiri sama ada melalui peraturan, pekeliling dan sebagainya. Selain itu, beliau mengakui pendidikan agama itu penting dalam membentuk sahsiah pelatih perguruan dan agama lain juga mengajar penganutnya untuk menghayati nilai-nilai murni.

- (g) **YBhg. Dr. Haji Zainal Alam bin Hassan** dari Bahagian Pendidikan Guru KPM bertanyakan mengenai kedudukan guru yang dikategorikan sebagai sederhana serta tindakan yang diambil oleh KPM bagi menambah baik kualiti guru-guru berkenaan.

Jawapan: Guru yang didapati sederhana akan diberi latihan dalam perkhidmatan khususnya berkaitan P&P. Untuk memperbaiki P&P, guru pelatih juga akan didedahkan dengan subjek elektif lain sebagai nilai tambah kemahiran sebelum mereka ditempatkan mengajar di sekolah.

LAPORAN KERTAS KERJA 5

TAJUK : **Tatacara Pengambilan dan Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan**

PEMBENTANG : **YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail**
Setiausaha SPP

MODERATOR : **YBrs. Puan Zaidah binti Mohamad Jaman**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Setiap sekolah berkepentingan untuk menerima tenaga pengajar yang terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang boleh mengurus, menyelia, mengajar dan mendidik pelajar secara kreatif, inovatif dan menyeluruh kerana sekolah merupakan institusi pendidikan yang menunjangi proses melahirkan modal insan cemerlang.
2. SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) perlu mewujudkan satu kaedah atau tatacara pengambilan dan pelantikan yang berkesan bagi memastikan bekalan guru terlatih sentiasa mencukupi untuk menggerakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Urusan pengambilan dan pelantikan dipengaruhi oleh faktor:
 - (a) latihan pra perkhidmatan bagi calon guru dikendalikan sepenuhnya oleh KPM dan IPTA dengan bilangan dan syarat kemasukan ditetapkan sendiri oleh badan berkenaan;
 - (b) wujud pelantikan sebagai GST sebelum calon memohon lantikan tetap; dan
 - (c) program pensiswazahan guru bagi pegawai sedang berkhidmat untuk dilantik ke gred lebih tinggi.
3. Wujud kelainan dalam tatacara pengambilan dan pelantikan PPP jika dibandingkan dengan pengambilan bagi skim perkhidmatan lain kerana:

- (a) pengambilan ke jawatan tetap PPP melibatkan calon yang dilantik oleh KPM sebagai GST atau telah berada perkhidmatan pendidikan dan memenuhi syarat untuk lantikan ke gred yang lebih tinggi; dan
 - (b) calon sedang berkhidmat secara sandaran dengan mengisi jawatan kosong tanpa mendapat manfaat pelantikan seperti guru tetap.
4. Tatacara pengambilan adalah berasaskan keperluan untuk memberi keseimbangan terhadap kebertanggungjawaban calon ke atas permohonannya dan tugas SPP dalam melaksanakan urusan pelantikan.
 5. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 menerusi Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2008, calon yang berkelayakan bagi pelantikan tetap sebagai PPPS Gred DG41 dan PPPLD Gred DGA29 hendaklah mengemukakan permohonan yang dibuka sepanjang masa menerusi portal SPP.
 6. Kaedah permohonan secara *online* telah dikuatkuasakan sepenuhnya bagi mengurangkan tempoh masa memproses permohonan kerana bilangan calon PPP yang ditemu duga dan dilantik pada setiap tahun telah melebihi 15 ribu orang. Tambahan pula pendaftaran permohonan bagi calon gagal temu duga kali pertama tidak dibatalkan kerana mereka masih meneruskan perkhidmatan dan dipanggil temu duga semula apabila memenuhi syarat khas yang ditetapkan.
 7. Semasa urusan temu duga dijalankan terdapat calon yang hadir tetapi tidak ditemu duga kerana tidak memenuhi syarat keperluan dokumen yang ditetapkan. Implikasi kedudukan calon “hadir tidak ditemu duga” ialah:
 - (a) calon terus kekal berkhidmat sebagai GST atau atas gred hakiki;
 - (b) bebanan kos kepada calon untuk menghadiri semula temu duga;
 - (c) gangguan kepada proses P&P di sekolah; dan

- (d) peningkatan kos di pihak SPP bagi urusan perancangan dan pelaksanaan semula urusan temu duga.
8. Bagi meminimumkan jumlah calon “hadir tidak ditemu duga” SPP telah melaksanakan pendekatan dalam keperluan dokumen temu duga melalui dokumen gantian menerusi alternatif yang dilaksanakan seperti berikut:

| Keperluan Dokumen Temu Duga | Dokumen Alternatif Yang Boleh Digunakan |
|---|---|
| (a) Sijil Kelahiran/Sijil Anak Angkat/Sijil Pengesahan Kewarganegaraan daripada Jabatan Pendaftaran Negara | Sekiranya tidak mengemukakan dokumen berkenaan, memadai semakan berpandukan Kad Pengenalan. |
| (b) Kelulusan “kepujian” Bahasa Malaysia peringkat SPM atau setaraf (terpakai bagi temu duga pegawai sedang berkhidmat untuk lantikan ke gred yang lebih tinggi) | Semakan hanya berpandukan Kenyataan Perkhidmatan yang mencatatkan tarikh pelantikan sebagai PPPBS/PPPLD oleh SPP serta maklumat tambahan lain seperti catatan pengesahan dalam perkhidmatan/pemberian taraf berpencen yang diluluskan SPP. Bagi calon untuk lantikan pertama seperti GST, mereka tidak tertakluk kepada kelonggaran ini. |
| (c) Diploma Perguruan/Pendidikan dan Transkrip | Semakan hanya berpandukan: (i) Diploma Pendidikan/Perguruan atau Transkrip bagi calon yang belum menghadiri konvokesyen; atau (ii) Memadai hanya mengemukakan Diploma Pendidikan/Perguruan bagi calon yang telah menghadiri konvokesyen. |
| (d) Ijazah dan Transkrip | Semakan hanya berpandukan: (i) Transkrip bagi calon PPPS DG41 yang belum menghadiri konvokesyen; atau |

| Keperluan Dokumen Temu Duga | Dokumen Alternatif Yang Boleh Digunakan |
|---|---|
| | (ii) Ijazah bagi calon PPPS DG41 yang telah menghadiri konvokesyen. |
| (e) Terjemahan Ijazah bagi ijazah selain dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris oleh Institut Terjemahan Negara/Pejabat Kedutaan | Boleh mengemukakan terjemahan ijazah oleh Institut Terjemahan Negara/Pejabat Kedutaan/Jabatan Penuntut Malaysia Negara berkenaan atau bagi ijazah dalam Bahasa Arab, daripada Jabatan Agama Islam Negeri. |
| (f) Nilai Taraf Ijazah | Semakan dilaksanakan oleh Suruhanjaya berpandukan salinan ijazah yang disahkan selepas selesai temu duga. |
| (g) Surat Tawaran GST/Surat Kelulusan Cuti Belajar Separuh Gaji/Surat Kelulusan Mengikuti Kursus Secara Pengajian Jarak Jauh | Semakan hanya berpandukan Kenyataan Perkhidmatan yang mencatatkan butiran tawaran/kelulusan. |
| (h) Surat Pelepasan Jawatan Dengan Izin | Semakan berpandukan Kenyataan Perkhidmatan yang mencatatkan maklumat pelepasan |

9. Dari segi kuat kuasa tarikh lantikan, penetapan tarikh lantikan PPP dikuatkuasakan mulai tarikh lapor diri bertugas sekiranya memenuhi syarat skim perkhidmatan atau pada 1 hari bulan, bulan berikutnya dari tarikh konvokesyen, Ijazah atau Diploma Pendidikan mana yang terkemudian. Penetapan tarikh berasaskan tarikh konvokesyen tidak memberi faedah sepenuhnya kepada calon kerana mereka telah berkhidmat lebih awal bermula dari tarikh penggal persekolahan.
10. SPP berpendapat adalah lebih adil tarikh pengesahan lulus oleh senat diambil kira dalam penetapan tarikh lantikan memandangkan tarikh konvokesyen adalah lebih lewat. Oleh itu, SPP memutuskan bahawa penetapan tarikh lantikan adalah pada 1 hari bulan, bulan

berikut dari tarikh keputusan rasmi senat atau tarikh lapor diri, yang mana terkemudian.

11. SPP telah mengambil tindakan proaktif dengan menemu duga pelatih ketika mereka berada di peringkat akhir latihan perguruan. Keputusan temu duga dan kategori lantikan yang ditetapkan ke atas pelatih adalah seperti berikut:
 - (a) **berjaya temu duga dan lulus kursus perguruan:** dilantik tetap sebagai PPPS Gred DG41;
 - (b) **gagal temu duga tetapi lulus kursus perguruan:** dilantik sebagai PPPS Gred DG41 Sementara; dan
 - (c) **gagal temu duga dan gagal kursus perguruan:** permohonan dibatalkan dan calon perlu memohon semula setelah memenuhi syarat.
12. Manfaat daripada pendekatan ini dilihat dapat memendekkan perkhidmatan pelatih sebagai GST, atau tiada lagi lantikan GST sekiranya penempatan dilewatkan sedikit bagi menyelesaikan proses lantikan tetap, sekali gus memberi faedah kepada mereka sebagai kakitangan Kerajaan.
13. Terdapat sebilangan GST yang telah memenuhi syarat skim perkhidmatan sengaja melewatkannya permohonan pelantikan tetap sehingga mencecah antara tiga hingga lima tahun dari tarikh lapor diri bertugas. Implikasi tindakan mereka menyebabkan:
 - (a) wujud tanggapan bahawa SPP dilihat sengaja melewatkannya proses pengambilan kerana sekiranya calon berjaya dalam temu duga, tarikh lantikan tetap dikebelakangkan kepada tarikh lapor diri sebagai GST; dan
 - (b) kelewatan urusan perkhidmatan seperti pengesahan dalam perkhidmatan dan pelanjutan tempoh percubaan sekiranya anggota tidak boleh disahkan dalam tempoh percubaan asal.
14. Sehubungan itu, mulai 1 Januari 2006 berpandukan Surat Pekeliling Pengambilan SPP Bilangan 5 Tahun 2006, calon-calon yang memohon pelantikan tetap diwajibkan mengemukakan permohonan

dalam tempoh satu tahun dari tarikh mereka memenuhi syarat skim perkhidmatan atau tarikh lapor diri, mana yang terkemudian dan calon yang memohon setelah melebihi tempoh satu tahun yang ditetapkan akan dikenakan penalti dari segi tarikh kuat kuasa lantikan.

15. Wujud peningkatan bilangan calon yang gagal hadir temu duga tanpa memberikan sebarang penjelasan menyebabkan SPP perlu menguruskan semula panggilan temu duga.
16. Pekeliling SPP Bilangan 2 Tahun 2009 mulai 1 Jun 2009 telah menetapkan bahawa bagi memastikan calon bertanggungjawab ke atas permohonannya, calon yang tidak hadir temu duga perlu mengemukakan justifikasi kukuh melalui Ketua Jabatan mengenai ketidakhadirannya untuk pertimbangan SPP.
17. Calon akan dipanggil semula untuk ditemu duga sekiranya alasan yang diberikan munasabah tanpa dikenakan penalti dari segi penetapan tarikh pelantikan. Sebaliknya jika SPP menolak alasan calon, permohonan asal dibatalkan dan calon perlu memohon semula. Sekiranya diperaku dalam temu duga berikutnya, penalti akan dikenakan dari segi penetapan tarikh lantikan yang akan dilewatkan 12 bulan dari tarikh yang sepatutnya dilantik.
18. Calon yang ditawarkan pelantikan perlu menyempurnakan Pakej Setuju Terima Tawaran (PSTT) sebagai persetujuan penerimaan tawaran. Calon yang gagal mengemukakan PSTT yang telah disempurnakan dalam tempoh 60 hari bagi Semenanjung dan 90 hari bagi Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan (W.P) Labuan akan dirujuk kepada Suruhanjaya untuk persetujuan pembatalan surat tawaran pelantikan.
19. Jika surat tawaran pelantikan calon dibatalkan, calon perlu memohon dan akan dipanggil semula untuk ditemu duga. Di samping itu, penalti akan dikenakan iaitu penetapan tarikh lantikan dilewatkan tiga bulan dari tarikh sepatutnya dilantik.
20. SPP turut bertanggungjawab untuk memproses permohonan yang diterima daripada kalangan PPPLD Gred DGA29/Gred DGA32/Gred DGA34 yang telah lulus dan dikurniakan ijazah untuk lantikan

ke PPPS Gred DG41. Ada di antara mereka telah berada di dalam zon untuk kenaikan pangkat sama ada secara *time based* ke Gred DGA32 atau kenaikan pangkat secara hakiki Gred DGA32/ DGA34/ DGA38.

21. Walau bagaimanapun, disebabkan proses pemakluman kenaikan pangkat oleh KPM mengambil masa, terdapat di kalangan pegawai yang memohon jawatan PPPS Gred DG41. Sekiranya perkara ini diketahui oleh Pengerusi Temu Duga semasa sesi temu duga, permohonan mereka akan dibatalkan dan calon perlu memohon semula selepas mendapat surat siaran kenaikan pangkat. Manakala bagi calon yang telah menerima tawaran pelantikan dan kebetulan menerima surat siaran kenaikan pangkat, mereka boleh menolak tawaran pelantikan berkenaan.
22. SPP telah membuat ketetapan bahawa tarikh lantikan ke PPPS Gred DG41 bagi calon yang menolak tawaran adalah seperti berikut:
 - (a) sekiranya tarikh lantikan PPPS Gred DG41 jatuh bersamaan dengan tarikh kenaikan pangkat atas gred asal, tarikh pelantikan PPPS Gred DG41 berkenaan dipinda kepada hari berikutnya selepas tarikh kenaikan pangkat. Kaedah ini membolehkan calon mendapat faedah gaji di gred kenaikan pangkat bagi penetapan gaji permulaan pelantikan PPPS Gred DG41;
 - (b) bagi calon yang mengikuti pengajian ijazah melalui program cuti belajar tajaan Kementerian Pelajaran, tarikh pelantikan tetap sebagai PPPS Gred DG41 dilewatkan tiga bulan dari tarikh permohonan semula PPPS Gred DG41; dan
 - (c) bagi calon yang lulus ijazah melalui program Pengajian Jarak Jauh (PJJ), tarikh pelantikan dilewatkan tiga bulan dari tarikh arahan penempatan sebagai PPPS Gred DG41.
23. Pembentang berpandangan bahawa penentuan kualiti perkhidmatan pelajaran perlu terbit daripada calon itu sendiri dan calon yang dilantik haruslah memenuhi ekspektasi dan piawaian

yang telah ditetapkan. Justeru itu, dicadangkan penetapan tarikh lantikan ditetapkan mengikut prestasi temu duga seperti berikut:

- (a) jika prestasi temu duga adalah cemerlang iaitu dengan markah 80 peratus dan ke atas, tarikh lantikan adalah mulai tarikh lapor diri atau memenuhi syarat lantikan, mana terkemudian;
 - (b) jika prestasi temu duga adalah baik iaitu dengan markah di antara 65 hingga 79 peratus, tarikh lantikan dilewatkan tiga bulan dari tarikh lapor diri atau memenuhi syarat lantikan, mana terkemudian; dan
 - (c) jika prestasi temu duga adalah memuaskan iaitu dengan markah 50 hingga 64 peratus, tarikh lantikan dilewatkan enam bulan dari tarikh lapor diri atau memenuhi syarat lantikan, mana terkemudian.
24. Melalui kaedah ini, SPP percaya bahawa calon akan sentiasa berusaha mempertingkatkan pencapaian dalam latihan pra perkhidmatan dan memenuhi ciri kemenjadian seorang PPP. Pendekatan ini jika dilaksanakan secara berterusan, akhirnya akan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelajaran secara menyeluruh.
25. Dasar dan peraturan yang dilaksanakan kini bukanlah bertujuan menghukum calon, sebaliknya sebagai satu langkah memupuk sikap positif di kalangan mereka. Manakala di pihak SPP, dasar dan peraturan tersebut merupakan satu pengukuran terhadap kemampuan, keupayaan dan kebolehan dalam melaksanakan urusan pelantikan yang sempurna.

SESI SOAL JAWAB

Persidangan juga mengambil maklum bahawa perkara yang dibangkitkan berserta penjelasannya seperti berikut:

- (a) **Puan Lok Yim Pheng** dari Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengajukan soalan mengenai penggunaan laporan sulit dalam urusan temu duga yang mana wujud satu keadaan calon boleh menjalankan tugas sebagai guru dengan cemerlang tetapi mendapat markah laporan sulit yang rendah kerana wujud konflik dengan Ketua Jabatan.

Jawapan: SPP tidak hanya melihat kepada laporan sulit sahaja dalam pelaksanaan dan penilaian temu duga, sebaliknya melihat dari pelbagai aspek calon. Laporan sulit hanya sebahagian daripada panduan dalam penilaian. Selain itu, Anggota Suruhanjaya akan membuat tinjauan sendiri sama ada ke tempat bertugas calon atau dengan kaedah lain yang bersesuaian sekiranya prestasi calon di dalam temu duga tidak selari dengan markah laporan sulit yang dikemukakan.

- (b) **Puan Lok Yim Pheng** juga memohon penjelasan berkaitan isu kelewatan menyelesaikan rayuan penetapan gaji permulaan lebih 200 orang calon PPPS yang telah menamatkan Pengajian Jarak Jauh (PJJ) sekali gus mengurangkan motivasi PPP yang terlibat kerana manfaat yang diperoleh tidak setimpal dengan usaha yang telah dilaksanakan iaitu melanjutkan pelajaran di atas inisiatif sendiri.

Jawapan: SPP mengambil maklum dan akan menyelesaikan permohonan tersebut dalam kadar segera.

LAPORAN KERTAS KERJA 6

| | |
|-------------------|--|
| TAJUK | : Status Semasa dan Hala Tuju Program Pengurusan IPTA |
| PEMBENTANG | : YBhg. Prof. Madya Dr. Zarida binti Hambali Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi, KPTM |
| MODERATOR | : YBhg. Dr. Khair bin Mohamad Yusof Setiausaha Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan) KPM. |

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Pembentang menjelaskan bahawa KPTM telah menyediakan laluan kepada pelajar lepasan sekolah menengah untuk meneruskan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT). Sehubungan dengan itu, Institut IPTA telah dijenamakan kepada tiga kategori iaitu:
 - (a) **Universiti Penyelidikan:** Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia;
 - (b) **Universiti Komprehensif:** Universiti Teknologi Mara, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Darul Iman dan Universiti Malaysia Kelantan;
 - (c) **Universiti Fokus:** Universiti Utara Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Sehubungan itu, unjuran kapasiti IPT sehingga tahun 2020 adalah seperti jadual berikut:

| Peringkat Pendidikan | Tahun | | | |
|----------------------|-------|------|------|------|
| | 2008 | 2010 | 2015 | 2020 |

| | | | | |
|--|-------------------|-------------------|--------------------|-------------------|
| Kohort 17-23 tahun | 3,560,000 | 3,628,300 | 3,840,900 | 4,147,000 |
| Peratus akses ke pengajian tinggi (daripada jumlah kohort 17-23 tahun) | 37% 1,300,000 | 41% 1,487,603 | 46% 1,766,814 | 50% 2,073,500 |
| IPTA | 28% 358,158 | 25% 371,700 | 26% 458,300 | 26% 552,600 |
| IPTS | 33% 419,778 | 31% 456,700 | 32% 567,800 | 33% 685,800 |
| Lain-lain | 39% 522,064 | 44% 652,200 | 42% 743,100 | 41% 849,522 |
| JUMLAH | 100% 1,300,000 | 100% 1,485,600 | 100% 1,767,9200 | 100% 2,087,900 |

2. Pembentang menjelaskan bahawa IPTA masih mengekalkan program pendidikan sedia ada di samping menyediakan program diploma perguruan bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di bawah KPM. Sebanyak 13 buah IPTA menawarkan Program Pendidikan bagi DPLI iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Darul Iman, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
3. Bagi mengukuh dan memantapkan profesionalisme keguruan, Majlis Dekan Pendidikan IPTA telah merangka 10 elemen yang dijadikan asas penekanan dalam menentukan hala tuju program pendidikan IPTA, iaitu:
 - (a) **Kurikulum Program Pendidikan Guru:** Matlamatnya adalah untuk melahirkan guru berkualiti dan berketerampilan.
 - (i) **status semasa:** melaksanakan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) selama 4 tahun (130 jam kredit)

dan program DPLI yang dijalankan secara *one-off* selama 10 bulan. Tiga aktiviti yang sedang dilaksanakan dalam kedua-dua program tersebut ialah:

- (1) ko-kurikulum menyumbang kepada dua hingga empat jam kredit tetapi tidak diwajibkan untuk semua;
 - (2) pentaksiran melalui kertas kursus, projek pelajar, pembentangan dan peperiksaan dilaksana berdasarkan penilaian penyelia dan guru pembimbing yang dilantik oleh IPTA; dan
 - (3) pemindahan kredit serta akses kepada kemudahan antara IPTA lain adalah terhad.
- (ii) **strategi pelaksanaan:** mengoptimumkan perkongsian kepakaran antara IPTA; memastikan pembangunan kurikulum diiktiraf Kerajaan dan menepati keperluan KPM; memantapkan dan memperkuuhkan program teori pendidikan dan amali; pembentukan sahsiah calon guru melalui komponen ko-kurikulum; menggalakkan dan memperluaskan amalan e-pembelajaran; menyediakan kurikulum yang berupaya menggerakkan guru untuk melaksanakan penaksiran berdasarkan sekolah (*school based assessment*) dan mewajibkan kursus ko-kurikulum.
- (b) **Program Latihan Mengajar:** Bertujuan memantapkan aspek perancangan, perlaksanaan praktikum dan penyeliaan latihan mengajar.
- (i) **status semasa:** setiap IPTA mempunyai kaedahnya tersendiri untuk melaksanakan Rancangan Orientasi Sekolah (ROS). Sehubungan itu, aspek penilaian dan penyeliaan adalah berbeza-beza; dan
 - (ii) **strategi pelaksanaan:** ROS wajib dilaksanakan selama tiga minggu manakala tempoh latihan mengajar ditetapkan tidak kurang daripada 12 minggu. Pensyarah perlu membuat penyeliaan yang lebih kerap, menyediakan jadual pemeriksaan penyeliaan secara klinikal, menetapkan maksimum lapan orang pelajar sahaja untuk

diselia oleh seorang penyelia dan menetapkan penyeliaan minimum sebanyak tiga kali sepanjang Latihan Mengajar (LM).

- (c) **Kemudahan Infrastruktur, Peralatan dan Persekutaran:** Bertujuan untuk menambah baik kemudahan pengajaran dan pembelajaran IPTA supaya ia bersifat *student-centered learning* (SCL).

Status semasa kemudahan infrastruktur, peralatan dan persekitaran dan kemudahan P&P adalah tidak mencukupi dan tidak kondusif. Di antara strategi perlaksanaan bagi memantapkan kemudahan infrastruktur, peralatan dan persekitaran adalah dengan mewujudkan standard kemudahan dan peralatan P&P, meningkatkan standard yang ditetapkan oleh Majlis Dekan Pendidikan IPTA, meningkatkan amalan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan SLC dan pengintergrasian teknologi.

- (d) **Pengambilan Pelajar dan Penempatan Graduan:** Pengambilan pelajar dan penempatan graduan adalah berdasarkan penempatan graduan DPLI dan ISMP berasaskan prosedur yang ditetapkan oleh KPM.

Di antara strategi pelaksanaan adalah dengan mewujudkan satu jawatankuasa bersama KPM-IPTA dalam menentukan unjuran keperluan guru di Malaysia. Satu kajian juga akan diadakan untuk menentukan keperluan guru di IPT seperti politeknik, kolej komuniti dan IPTS. Hanya calon yang memiliki kriteria dan minat yang bertepatan dengan keperluan profesi keguruan akan dipilih mengikut program tersebut. Malah jawatankuasa ini juga akan memastikan kualiti dan perlaksanaan proses penyaringan pelajar ditingkatkan dan akhir sekali, proses penempatan graduan guru akan dijalankan dengan lebih telus dan sistematik.

- (e) **Kelayakan Akademik, Kepakaran dan Tahap Profesionalisme Staf:** Status semasa menunjukkan jumlah pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) adalah rendah

dan kurang pendedahan kepada cara P&P terkini. Maka strategi perlaksanaan yang dirancang adalah dengan meningkatkan bilangan tenaga pensyarah yang berkelulusan Ph.D menjelang tahun 2016, meningkatkan peluang kepada staf untuk mengikuti Program Pembangunan Kerjaya dalam bidang yang berkaitan dengan P&P dan juga mengalakkan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan P&P.

- (f) **Aktiviti Akademia:** Status semasa cara penyelidikan dan penerbitan akademik adalah rendah. Malahan bilangan inovasi yang dihasilkan juga kecil serta aktiviti yang berdasarkan R&D masih kurang dilaksanakan. Geran yang dianugerahkan pada masa kini lebih menjurus kepada bidang Sains dan Teknologi sahaja. Maka strategi perlaksanaan untuk menangani masalah ini adalah dengan mewajibkan kakitangan melibatkan diri dalam penyelidikan dan penerbitan akademik sebagai salah satu *key performance indicator*, KPI. Pengiktirafan yang bersesuaian akan diberikan terhadap penjawat awam yang terlibat dalam penyelidikan dan penerbitan akademik di samping IPTA menyediakan platform untuk menerbitkan hasil penulisan. Semua kakitangan adalah digalakkan supaya melibatkan diri dalam pertandingan inovasi dalam P&P.
- (g) **Hubungan dengan Industri dan Komuniti:** Status kini kurang memberangsangkan antara KPM dan pihak swasta. Strategi pelaksanaan adalah dengan mewujudkan jaringan kolaborasi dengan KPM dan kementerian lain melalui program penempatan latihan praktikal dan program *Corporate Social Responsibility* (CSR). Bukan itu sahaja, ia juga boleh dilakukan dengan mewujudkan perkongsian pintar dua hala penggunaan kepakaran industri oleh Fakulti Pendidikan IPTA untuk membantu industri dan IPTS.
- (h) **Pengantarabangsaan:** Status semasa terdapat kurang integrasi di peringkat global dan kerjasama dengan institusi luar negara. Maka untuk menangani masalah ini program pemasaran pendidikan ke peringkat antarabangsa dan

program pertukaran pelajar dan pensyarah antara IPTA dengan institusi luar negara perlu ditingkatkan.

- (i) **Program Perkembangan Profesional Perguruan:** Status semasa adalah program latihan dalam perkhidmatan perguruan di bawah KPM yang kebanyakannya dikendalikan oleh IPG dan segelintir kursus ditawarkan oleh IPTA. Strategi pelaksanaan adalah melalui perancangan dan penawaran kursus dalam perkhidmatan yang perlu diberikan kepada pegawai pendidikan bagi tujuan meningkatkan serta mengemas kini pengetahuan dan kemahiran dalam P&P. Juga, cara yang lain adalah dengan mengoptimumkan kepakaran yang sedia ada di Fakulti Pendidikan IPTA.
 - (j) **Graduate Teachers Attribute:** Sedang dibangunkan oleh Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA sebagai nilai tambah kepada Standard Guru Malaysia yang telah dilancarkan oleh KPM pada 2009.
4. Kesimpulannya, pembentang telah memberikan gambaran sebenar mengenai program perguruan di IPTA kini dan 10 aspek yang dijadikan pemacu hala tuju program pendidikan IPTA.

LAPORAN KERTAS KERJA 7

| | |
|-------------------|--|
| TAJUK | : Transformasi Keguruan: Inovasi Perkhidmatan Pendidikan |
| PEMBENTANG | : YBhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad Timbalan Pengerusi SPP |
| MODERATOR | : YBhg. Dr. Khair bin Mohamad Yusof Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), KPM. |

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dengan memiliki penduduk yang bersatu padu; berkeyakinan tinggi; berpegang teguh kepada nilai agama, moral dan etika; menikmati kehidupan yang demokratik, liberal dan bertolak ansur; berkongsi hasil ekonomi dengan saksama; dan menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamik dan berdaya tahan.
2. Pembangunan modal insan melalui penguasaan ilmu pengetahuan seperti sains dan teknologi, amalan sikap progresif serta amalan nilai-nilai murni dan moral yang tinggi sangat penting diperkuatkan di kalangan pendidik dalam sistem pendidikan kebangsaan.
3. Teras Strategik 4 Misi Nasional Rancangan Malaysia ke-10 yang bermatlamat membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia, akan antara lain:
 - (a) memperkuatkan sistem pendidikan dan latihan bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga peringkat pengajian tinggi;
 - (b) menyediakan infrastruktur P&P yang terbaik;
 - (c) **memastikan kualiti guru dan tenaga pengajar mencapai tahap yang sewajarnya;**

- (d) meningkatkan kualiti pelajar dengan nisbah guru siswazah ditingkatkan daripada 28% pada tahun 2010 kepada 60% pada tahun 2015 dan menambah bilangan guru bagi mata pelajaran kritikal;
 - (e) meningkatkan kualiti guru pra-sekolah di peringkat diploma dan sarjana muda;
 - (f) menujuhkan sekolah berprestasi tinggi untuk membolehkan pelajar mencapai kecemerlangan dalam semua aspek pendidikan; dan
 - (g) pendidikan awal kanak-kanak sebagai agenda penting nasional melalui program PERMATA.
4. Sehingga tahun 2010, terdapat sebanyak 438,673 perjawatan guru di bawah KPM dengan 63 peratus atau 276,364 orang adalah guru siswazah. Bagaimanapun, pertambahan bilangan guru ini tidak memberikan permintaan yang memberangsangkan kerana profesion keguruan dilihat kurang dapat menarik calon yang cemerlang kelulusan akademiknya untuk berkhidmat sebagai guru. Tambahan lagi, persaingan dengan kerjaya profesional yang lain telah menyebabkan masyarakat kurang menumpukan perhatian dan tidak tertarik terhadap profesion sebagai seorang guru.
5. Bertitik tolak daripada aspek yang dinyatakan dalam Teras Strategik 4 Misi Nasional Rancangan Malaysia ke-10, pembentang membincangkan tujuh isu dan cabaran berkaitan Skim Perkhidmatan Pendidikan, terutamanya dalam profesion keguruan. Manakala sebanyak **lapan** cadangan yang relevan telah dikemukakan bertujuan untuk menambahbaik kelompongan sistem pendidikan sedia ada dalam usaha mentransformasikan perkhidmatan pendidikan negara.
6. **Skim Perkhidmatan dan Syarat Lantikan:** Isu dan cabaran pertama yang dinyatakan oleh pembentang dalam kertas kerja ini adalah mengenai kelonggaran sistem pendidikan sedia ada sehingga melayakkan ratusan ribu calon yang memohon dan dilantik sebagai guru. Pembentang menimbulkan persoalan mengenai kebarangkalian guru yang dilantik akan berkhidmat

dengan cemerlang dan penuh berwibawa, bersandarkan kepada syarat skim yang terlalu minimum.

7. **Calon GST dan GSTT:** Pembentang seterusnya berpendapat atas dasar keprihatinan dan perhatian terhadap kebajikan GST dan GSTT, maka pelantikan tetap mereka wajar disegerakan bagi membolehkan mereka memperoleh faedah sebagaimana pegawai lantikan tetap.
8. **Calon tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia:** Pembentang turut berpendapat bahawa pelantikan calon tajaan KPM bagi kursus ikhtisas telah meletakkan SPP selaku Pihak Berkuasa Melantik berada dalam situasi yang tidak selesa kerana sebolehnya perlu juga melantik calon berkenaan. Pembentang berpandangan adalah wajar SPP dilibatkan dalam peringkat pemilihan calon yang akan mengikuti kursus perguruan. Justeru apabila calon lulus, mereka layak dilantik berdasarkan syarat skim perkhidmatan.
9. **Dasar Pensiswazahan Guru:** Pembentang berkongsi maklumat mengenai sasaran KPM pada tahun 2010, iaitu 100 peratus yang berkhidmat di sekolah menengah merupakan guru siswazah, manakala 50 peratus di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, pada tahun 2005, didapati daripada 136,598 guru di sekolah menengah, 82.4 peratus atau 112,578 adalah guru siswazah. Manakala daripada 190,336 guru di sekolah rendah, hanya 6.1 peratus atau 11,539 sahaja yang berkelayakan ijazah. Beliau berpendapat program pensiswazahan melalui pendidikan jarak jauh memberi tanggapan guru ijazah ingin segera dilantik ke Gred DG41, sedangkan ijazah yang diperoleh tidak bersetujuan dengan bidang tugas mereka.
10. **Kepelbagaian Program Kursus Ikhtisas:** Pembentang berpendapat tidak wujud penyelarasan kursus perguruan (ikhtisas) yang dijalankan oleh IPG di bawah KPM, IPTA dan IPTS. Ini menyebabkan kualiti latihan yang tidak seragam terutama apabila melibatkan tempoh masa kursus dan latihan yang tidak sekata serta pengiktirafan diploma dan ijazah pendidikan yang pelbagai.

11. **Kelewatan mengurus Urusan Perkhidmatan:** Berdasarkan perangkaan perakuan urusan perkhidmatan pada tahun 2008, daripada 36,602 perakuan yang diterima oleh SPP, sejumlah 6,627 adalah lewat. Manakala bagi tahun 2009, daripada 36,331 perakuan, 12,578 adalah lewat. Perangkaan ini jelas menunjukkan peningkatan jumlah kelewatan bagi pelaksanaan urusan perkhidmatan.
12. **Kelewatan mengurus Urusan Tatatertib:** Pembentang melalui pemerhatiannya mendapati Ketua Jabatan lewat menguruskan tindakan tatatertib terhadap pegawai yang melakukan kesalahan tatatertib. Kelewatan tersebut boleh membawa implikasi bahawa pegawai yang melakukan kesalahan tersebut telah diberi kemaafan iaitu *Doctrine of Condonation*. Dalam hal ini sekiranya pegawai merayu ke mahkamah, kemungkinan besar mahkamah akan menyalahkan Ketua Jabatan kerana lambat mengambil tindakan.
13. Dalam menuju ke arah anjakan paradigma sistem perkhidmatan pendidikan yang sedia ada, pembentang mencadangkan beberapa langkah, antaranya dengan **mewujudkan proses lantikan secara terbuka**. Pembentang berpandangan bahawa skim perkhidmatan sedia ada di bawah sistem saraan semasa dilihat masih belum mampu menarik minat calon yang cemerlang akademiknya untuk menyertai profesion keguruan. Realitinya, calon pendidik tidak terlepas daripada membuat perbandingan di antara skim guru dengan skim perkhidmatan yang lain kerana bimbang akan ketinggalan dalam laluan kerjaya. Justeru pembentang mengesyorkan agar skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dijadikan rujukan dalam menambah baik skim perkhidmatan PPP.
14. Pembentang seterusnya mencadangkan agar diperketatkan **syarat kelayakan permohonan ke Skim Perkhidmatan Pendidikan** melalui pemansuhan secara berperingkat pelantikan GST dan GSTT. Selain itu, kriteria lain yang difikirkan bersesuaian seperti penetapan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang tinggi, pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus ujian kompetensi

profesional keguruan, boleh dipertimbangkan sebagai syarat pelantikan.

15. Selain itu, selaras dengan hasrat untuk **memperkasakan SPP selaku Pihak Berkuasa Melantik**, pembentang berpendapat agar Suruhanjaya dilibatkan di peringkat pemilihan calon yang akan mengikuti kursus perguruan, berbanding hanya terlibat dalam menemu duga calon yang telah tamat pengajian dan menanti untuk memulakan kerjaya sebagai pendidik.
16. Memandangkan dasar guru siswazah telah ditetapkan, pembentang mencadangkan agar kenaikan ke **Skim PPPS Gred DG41 dilaksanakan secara kenaikan pangkat**. Guru-guru DGA29, DGA32 dan DGA34 yang mengikuti program pensiswazahan secara sepenuh masa atau jarak jauh, diberi kenaikan pangkat dengan syarat KPM menetapkan had umur, universiti dan bidang ijazah yang diperlukan oleh kementerian bagi pengajian secara sepenuh masa atau pengajian jarak jauh.
17. Pembentang berpandangan KPM perlu menyediakan **rancangan keperluan guru dan opsyen untuk sekolah rendah dan menengah** bagi tempoh Rancangan Pembangunan Lima Tahun agar bekalan terhadap keperluan pendidikan dapat dipenuhi demi menjamin kesejahteraan dan pembangunan negara.
18. Dalam membentuk keseragaman, pembentang mencadangkan agar **diwujudkan satu badan induk bagi merancang program dan latihan ikhtisas di IPG, IPTA dan IPTS**, yang diberi pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Program latihan ikhtisas yang dibentuk oleh badan induk berkenaan perlu dipatuhi oleh semua institusi yang melatih warga pendidik dengan matlamat untuk melahirkan guru berkualiti.
19. Pembentang menekankan peranan **Ketua Jabatan sebagai pemacu kecemerlangan perkhidmatan** dalam menentukan urusan perkhidmatan anggota perkhidmatan pendidikan agar dapat diuruskan dengan cepat dan cekap. Beliau mengesyorkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat

dan Penamatan Perkhidmatan 2005) dan undang-undang berkaitan dipinda agar:

- (a) Ketua Jabatan yang lewat memperaku urusan perkhidmatan dikenakan tindakan punitif; dan
 - (b) penjawat awam yang tidak kompeten ditamatkan perkhidmatan kerana gagal disahkan dalam perkhidmatan.
20. Dengan mengambil kira hakikat kelewatan Ketua Jabatan di peringkat sekolah/institusi pendidikan masih ketara berlaku maka pembentang mencadangkan agar **pemusatan pengurusan tatatertib** di KPM dilaksanakan melalui transformasi terhadap struktur dan prosedur tatatertib, iaitu:
- (a) Urusan tatatertib bagi semua Anggota Perkhidmatan Pendidikan dipusatkan kepada satu Lembaga Tatatertib di KPM. SPP, seperti cadangan pembentang, hanya berfungsi sebagai Badan/Lembaga Rayuan bagi semua urusan tatatertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan. Kebaikan daripada transformasi ini ialah:
 - (i) tindakan dan keputusan Lembaga Tatatertib akan lebih jelas, telus dan konsisten;
 - (ii) urus setia akan lebih berkemahiran, fokus dan dapat menjalankan penyiasatan secara lebih telus; dan
 - (b) mewajibkan semua Ketua Jabatan membuat laporan berkaitan pelanggaran tatatertib dalam tempoh tujuh hingga 14 hari kepada Lembaga Tatatertib tunggal tersebut.

SESI SOAL JAWAB

Persidangan juga mengambil maklum perkara yang dibangkitkan berserta penjelasannya seperti berikut:

- (a) **Encik Shazali bin Ahmad** dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, menyatakan pandangan bahawa golongan *best brain* atau graduan cemerlang tidak berminat untuk menjadi guru. Maka beliau berpendapat bahawa skim perkhidmatan pendidikan sedia ada kini perlu disemak semula. Menurutnya, jika perubahan dan transformasi yang lebih efisien dapat dilakukan terhadap skim

perkhidmatan, maka berkemungkinan dapat menarik perhatian ramai untuk memilih kerjaya tersebut.

Menurut beliau lagi, tiada kajian yang menilai tentang keseragaman dalam pelaksanaan kursus perguruan yang ditawarkan oleh IPTA. Hal ini mendorong kepada wujudnya persepsi yang berbeza terhadap calon yang bergraduat dalam bidang pendidikan dari pelbagai IPTA di Malaysia.

Jawapan: Dalam melahirkan guru berkualiti, ianya tidak bergantung sepenuhnya kepada pencapaian akademik calon. Faktor lain khususnya sahsiah diri dan minat mendalam terhadap profesyen keguruan adalah penentu ke arah mencapai matlamat ini.

- (b) **Puan Lok Yim Pheng** dari NUTP mempersoalkan kualiti guru yang ingin dititik beratkan, sedangkan aspek kebajikan warga pendidik tidak dipedulikan. Beliau turut menyarankan agar skim perkhidmatan pendidikan disemak semula agar kenaikan pangkat dapat dilakukan tanpa syarat kekosongan jawatan terlebih dahulu.

Jawapan: Secara umumnya kenaikan pangkat tanpa syarat kekosongan jawatan telah diwujudkan dalam perkhidmatan pelajaran. Sebagai contoh, PPPLD Gred DGA29 boleh dinaikkan pangkat ke Gred DGA32 dan PPPS Gred DG41 dinaikkan pangkat ke DG44 setelah berkhidmat selama 10 tahun serta memenuhi syarat lulus PTK.

- (c) **Dr. Haji Zainal Alam bin Hassan** dari Bahagian Pendidikan Guru KPM mempersoalkan tentang kelewatan kenaikan pangkat di kalangan PPP. Turut dipersoalkan adalah kualiti guru menerusi program PJJ terutamanya yang bergraduat dari Universiti Terbuka Malaysia (OUM).

Jawapan: Urusan kenaikan pangkat dikendalikan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran iaitu bagi PPPS Gred DG41 lembaganya dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara manakala lembaga kenaikan pangkat bagi PPPLD Gred DGA29, dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPM. Proses kenaikan pangkat perlu dilaksanakan dengan teliti bagi

mengelakkan timbul kesilapan dan ketidak aturan.

- (d) Salah seorang peserta telah membangkitkan isu keperkasaan SPP berikutan penurunan kuasa kepada KPM dalam urusan kenaikan pangkat.

Jawapan: Tugas SPP termaktub di bawah Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke jawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tata tertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan pelajaran. Tetapi menurut Perkara 144(5B) *walau apa pun peruntukan-peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139 dan Perkara 141A, semua kuasa dan tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 dan 141A, lain daripada kuasa membuat perlantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh satu jemaah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong*. Ini bermakna Yang di-Pertuan Agong telah menurunkan kuasa urusan kenaikan pangkat kepada KPM menurut Perkara 144(5B) Perlembagaan Persekutuan.



**SENARAI PESERTA
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
PADA 22 HINGGA 24 JUN 2010
DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

1. YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
2. YBhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad
Timbalan Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
3. YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

4. Encik Blawan Embayau
5. Puan Hajah Aminah binti Haji Musally
6. Encik Raman a/l Sinnapanaidu
7. YBhg. Datin Hajah Rahimah binti Haji Ghazali
8. YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd Hussein
9. YBhg. Dato' Haji Wan Mustama bin Wan Abdul Hayat
10. Tuan Haji Ahmad Zabidi bin Shansuddin
11. Tuan Haji Jailani bin Rusni
12. Cik Ong Joo Lin
13. Encik Athanasius John Staun @ Ahmad Staun
14. YBhg. Dato' Md. Aris bin Ariffin

15. YBhg. Dato' Haji Ab. Hamid bin Md. Shah
16. Encik Wan Hamzah bin Wan Daud
17. Tuan Haji Mokhy bin Saidon
18. Encik Rajamany a/l T.Ramasamy
19. Puan Magaret Ho Poh Yeok
20. YBhg. Dato' Haji Dangiran bin Haji Mustapa
21. Tuan Haji Hussain bin Haji Harun
22. Puan Halimah binti Shaaban
23. Encik Idris bin Ramli
24. Encik Loh Ghee Juan
25. YBhg. Datuk Ismail bin Haji Wadin
26. Encik Munusamy a/l Periasamy
27. YBhg. Datuk Md. Mukhtar bin Boerhannoeddin

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA DAN AGENSI DI BAWAHNYA

28. Tuan Haji Abd Rashid bin Ngah
Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
29. Encik Oi Chu Kim Ting @ Rezuoi bin Abdullah
Setiausaha Bahagian Audit Sekolah
30. Puan Hajah Faridatul Akmar binti Mat Taib
Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
31. Encik Azme bin Hussain
Timbalan Setiausaha Bahagian Kompetensi
32. Dr. Kartini binti Baharun
Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Guru

33. YBhg. Dato' Haji Mohd. Ghazali bin Ab. Rahman
Timbalan Pengarah
34. Dr. Lee Boon Hua
Timbalan Pengarah
35. Encik Abdullah bin Md. Din
Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
36. Encik Awangku Ali Pengiran Jumaat
Timbalan Pengarah
37. Puan Hajah Zaleha binti Onn
Timbalan Pengarah Khidmat dan Profesional
Institut Aminuddin Baki
38. Dr. Samsiah binti Mustaffa
Timbalan Pengarah
Institut Aminuddin Baki
39. Encik Rozainum binti Ahmad
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
40. Encik Mohd Zulkifli bin Hashim
Ketua Penolong Setiausaha
41. Dr. Haji Zainal Alam bin Hassan
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
42. Puan Ramlah binti Mohamed
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Guru
43. Puan Hajah Mokolus Kattubawa Rowther
Ketua Sektor Dasar Penilaian dan Projek Khas
44. Dr. Zaharian bin Zainuddin
Ketua Sektor Unjuran

45. Puan Nahyah binti Ator
Ketua Sektor Penaziran Kurikulum
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
46. Encik Abd. Hamid bin Bahari
Penolong Setiausaha
47. Puan Nor Diyana binti Mohd Isror
Penolong Setiausaha
48. Puan Siti Madzlina binti Salahuddin
Penolong Setiausaha
49. Encik Ahmad Jamalulail bin Kamaruzzaman
Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Televisyen
50. Encik Mohd Faizul Firdaus bin Mohd Zulkifli
Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan
51. Encik Mohd Khidzir bin Ahmad
Penolong Pengarah
52. Puan Solehah binti Misron
Penolong Pengarah
53. Puan Hajah Zakiah Hanim binti Abd Rahman
Penolong Pengarah
54. Encik Ahmad Hafizi bin Ab Rahman
Penolong Pengarah
55. Encik Abdul Razib bin Zainal
Penolong Pengarah
56. Puan Hajah Roselena binti A. Karim
Penolong Pengarah
57. Puan Rusni binti Mohamed Idris
Penolong Pengarah
58. Cik Anita Sherizan binti Ibrahim
Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan

59. Puan Asmah binti Abd Aziz
Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan
60. Encik Mohd Noor Azly bin Paiman
Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan
61. Encik Kamarul Faizzal bin Kamaludin
Penolong Pengelola Kanan
62. Encik Abd Aziz bin Che Daud
Juruaudit
63. Encik Shazali bin Ahmad
Wakil Jabatan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia
64. Puan Esah binti Jantan
Wakil Jabatan
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
65. Tuan Haji Jamaludin bin Ahmad
Wakil Jabatan
Kementerian Pelajaran Malaysia
66. Encik Wan Shuaib bin Haji Wan Mohd
Wakil Jabatan
Kementerian Pelajaran Malaysia
67. YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz
Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Pahang
68. Tuan Haji Mohd. Adenan bin Deraman
Pengarah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
69. Tuan Haji Ibrahim bin Mohamad
Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang
70. Puan Rohanah binti Baharom
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

71. Puan Hajah Maimunah binti Haji Suhaibul
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
72. Tuan Haji Abdul Hadi bin Harun
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Perlis
73. Tuan Haji Abdullah bin Saad
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
74. Tuan Haji Muhamat Roli bin Haji Hassan
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Perak
75. Encik Razali bin Daud
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
76. Tuan Haji Khairil bin Awang
Timbalan Pengarah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya
77. Encik Aslie bin Sahat
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
78. Encik Maswadi bin Mohamat
Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan
79. Encik Md. Hasidin bin Hj. Zaini
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pelajaran Negeri Johor
80. Encik Md. Kasim bin Md. Noah
Ketua Sektor Jaminan Kualiti
Jabatan Pelajaran Negeri Johor
81. Encik Mohd Zawawi bin Zakaria
Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
Jabatan Pelajaran Negeri Perlis

82. Tuan Haji Mohd. Adnan bin Mohd. Noor
Ketua Sektor Pengurusan Akademik
Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan
83. Encik Mohd. Salleh bin Mohd Kassim
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
84. Encik Omar Baki bin Matusin
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan
85. Encik Ramli bin Zainal
Ketua Sektor Jaminan Kualiti
Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
86. Puan Norlaila binti Lambak
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
87. Encik Ahmad Shaffie bin Haji Ahmad Kasdu
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
88. YM Raja Abdul Rahman bin Raja Amran
Penolong Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Perak
89. Encik Azeran bin Osman
Penolong Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Melaka
90. Dr. Norashimah binti Ismail
Penolong Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Melaka
91. Tuan Haji Asha'ari bin Haji Johari
Wakil Jabatan
Jabatan Pelajaran Negeri Melaka
92. Encik Razali bin Haji Iberhim
Wakil Jabatan
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

93. Encik Zainuren bin Mohd Nor
Wakil Jabatan
Jabatan Pelajaran Negeri Pahang
94. YBhg. Dato' Haji Mazlan bin Mohamad
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang
95. Puan Lim Sai Kiow @ Penny Lim
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau, Sabah
96. Puan Mary Teresa Kinajil
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Sabah
97. Puan Hajah Masni binti Madat
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah
98. Puan Noor Hayatee binti Md.Noor
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka
99. Puan Noorul Aini binti Abdul Rahman
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, W. P. Kuala Lumpur
100. Puan Hajah Saadiah binti Bani
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah
101. Puan Soriah binti Abdullah
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, W. P. Kuala Lumpur
102. Dr. Azma binti Mahmood
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Selangor

103. Puan Asmah binti Yahya
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
104. Tuan Haji Abd Kadir bin Basiran
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak
105. Encik Hashim bin Deraman
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bahru, Kelantan
106. Encik Mohamad bin Ngah
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu
107. Tuan Haji Mohd Said bin Hasran
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor
108. Encik Rijeng Jahet
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang, Pulau Pinang
109. Tuan Haji Roslan bin Abd Hamid
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman, Kedah
110. Puan Salmah binti Abdullah
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Sabah
111. Tuan Haji Mohamed Isa bin Khalid
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak
112. Encik M Shaipluah Awang bin Ibrahim
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu
113. Puan Hamsiah binti Abdullah Masni
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Sarawak

114. Puan Jamaliah binti Mohd. Salleh
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, W. P. Kuala Lumpur
115. Cik Hajah Rosenah binti Mohd. Noor
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, W. P. Kuala Lumpur
116. Dr. Hamzah bin Ihsan
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Perlis
117. Tuan Haji Hashim bin Asman
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman, Kedah
118. Tuan Haji Hussin bin Mohd Yusup
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah
119. Tuan Haji Mat Akhir bin Haji Abdullah
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak
120. Encik Shaari bin Osman
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, W. P. Kuala Lumpur
121. Tuan Haji Zakaria bin Mohamed Nor
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Johor
122. Encik Mahar bin Marwan
Ketua Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Johor
123. Encik Elias bin Talib
Ketua Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Perlis

124. Dr. Choong Kam Foong
Pengarah
English Language Teaching Centre Malaysia (ELTCM)
125. Puan Farah Mardhy binti Aman
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan
English Language Teaching Centre (ELTCM)
126. Puan Ellen Drabble
Ketua Jabatan Dokumentasi dan Penerbitan
English Language Teaching Centre (ELTCM)
127. Dr. Mohamad Hussin bin Mohamad Yusof
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
128. Puan Zaidah binti Marjan
Ketua Unit Khidmat Pengurusan
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, W. P. Kuala Lumpur
129. Puan Norizi binti Abdul Aziz
Ketua Unit Kaunseling
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka
130. YBhg. Datin Che Balkis binti Haji Ismail
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ilmu Khas, W. P. Kuala Lumpur
131. Puan Maimun binti Aziz
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka
132. Encik Md. Jaafar bin Mamat
Pensyarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Terengganu
133. Puan Maznah binti Abd Samad
Pensyarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Terengganu

134. Encik Noor Azzam Syah bin Mohamed
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, W. P. Kuala Lumpur
135. Encik Mohd Hasbi bin Harun
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan
136. Encik Mohd Adniw bin Awang
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan
137. Puan Rafiah binti Daud
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
138. Tuan Haji Daud bin Md. Saman
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang
139. Encik Othman bin Aziz
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Sabah
140. Encik Mohd Shukor bin Abas
Wakil Jabatan
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abd Razak, Sarawak
141. YBhg. Datin Suwarni binti Hassan
Pengetua
SMK Putrajaya Presint 8(1), Putrajaya

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

142. Profesor Madya Dr. Mohd Majid bin Konting
Timbalan Pengarah
Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)
143. Puan Ani Asmah binti Tajul Ariffin
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik

144. Profesor Madya Dr. Mohd Izam Bin Ghazali
Dekan Fakulti
Universiti Utara Malaysia
145. Profesor Madya Dr. Noor Shah bin Saad
Dekan Fakulti
Universiti Pendidikan Sultan Idris
146. Profesor Dr. Abdul Rashid bin Johar
Dekan Fakulti
Universiti Industri Selangor (UNISEL)
147. Profesor Madya Dr. Ramlah binti Hamzah
Timbalan Dekan (Akademik)
Universiti Putra Malaysia
148. Profesor Madya Dr. Shuki bin Osman
Timbalan Dekan
Universiti Sains Malaysia
149. Dr. Zainal Abidin bin Zainuddin
Timbalan Dekan Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
150. Dr. Noraffandy bin Yahya
Ketua Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia
151. Profesor Abdul Rashid bin Mohame
Pengerusi Majlis Dekan Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
152. Profesor Zaidatol Akmaliah binti Lope Pihie
Pensyarah
Universiti Putra Malaysia
153. Profesor Madya Haji Sapon bin Ibrahim
Ketua Panel Ikhtisas Pendidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
154. Dr. Mohd Zailani bin Mohd Yusoff
Pensyarah Kanan
Universiti Utara Malaysia

155. Dr. Fatanah binti Mohamad
Fellow Penyelidik Kanan Falkuti Pendidikan
Universiti Malaya
156. Puan Shawira binti Abu Bakar
Pensyarah
Universiti Terbuka Malaysia
157. Dr. Md. Nasir bin Masran
Wakil Jabatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
158. Prof. Madya Mohd Ramli Buyong bin Kahar
Wakil Jabatan
Universiti Terbuka Malaysia
159. Dr. Azam bin Othman
Wakil Jabatan
Universiti Putra Malaysia
160. Tuan Haji Rosli bin Hamid
Pengarah
Politeknik Muadzam Shah, Pahang
161. Tuan Haji Abdul Rahman bin Khalid
Pengarah
Politeknik Kuching, Sarawak
162. Puan Hajah Rusmina binti Ismail
Pengarah
Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak
163. Tuan Haji Noor Azahan bin Othman
Pengarah
Politeknik Jeli, Kelantan
164. Encik Dzukifli bin Ismail
Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor
165. Tuan Haji Md. Nor bin Yusof
Pengarah
Politeknik Sultan Abdul Halim, Kedah

166. Encik Mohamad bin Abdullah
Pengarah
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
167. Tuan Haji Mohamad Jayus bin Bunasir
Pengarah
Politeknik Ungku Omar, Perak
168. Tuan Haji Mohd. Kharir bin Mohd. Ibrahim
Pengarah
Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan
169. Encik Mustafar Kamar bin Ujang
Pengarah
Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
170. Tuan Haji Zainal Abidin bin Abd. Latif
Pengarah
Politeknik Mersing, Johor
171. Tuan Haji Jubairl bin Razali
Pengarah
Politeknik Sandakan, Sabah
172. Encik Md Kasim bin Jaafar
Pengarah
Kolej Komuniti Tampin, Negeri Sembilan
173. Tuan Haji Md Isa bin Selaiman
Pengarah
Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan
174. Puan Asmah binti Othman
Pengarah
Kolej Komuniti Baling, Kedah
175. Puan Hajah Norlida binti Abd Razak
Pengarah
Kolej Komuniti Kuantan, Pahang
176. Puan Zainab binti Othman
Pengarah
Kolej Komuniti Pasir Gudang, Johor

177. Encik Abd Rami bin Abdullah
Pengarah
Kolej Komuniti Pasir Salak, Perak
178. Encik Che Ku Amran bin Che Ku Ali
Pengarah
Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Terengganu
179. Encik Sha'amry bin Mohd Yusof
Pengarah
Kolej Komuniti Paya Besar, Pahang
180. Encik Tan Chee Kiong
Pengarah
Kolej Komuniti Miri, Sarawak
181. Encik Zulkifli bin Md Isa
Pengarah
Kolej Komuniti Mas Gading, Sarawak
182. Encik Zulkifli bin Mohammad
Pengarah
Kolej Komuniti Chenderoh, Perak
183. Encik Zazalli bin Lazin
Pengarah
Kolej Komuniti Muar, Johor
184. Encik Jinal bin Jasman
Pengarah
Kolej Komuniti Arau, Perlis
185. Encik Roslan bin Noordin
Pengarah
Kolej Komuniti Hulu Selangor, Selangor
186. Encik Ishak bin Hamid
Pengarah
Kolej Komuniti Langkawi, Kedah
187. Encik Abdul Hanif bin Mustapha
Timbalan Pengarah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah

188. Puan Nik Zaleha binti Nik Manap
Timbalan Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor
189. Encik Abdul Nasir bin Haji Ali
Timbalan Pengarah
Politeknik Kota, Terengganu
190. Dr. Mohd. Zahari bin Ismail
Timbalan Pengarah
Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang
191. Puan Ong Guat Leng Clara
Timbalan Pengarah
Politeknik Kuching, Sarawak
192. Puan Rubiah binti Ismail
Ketua Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor
193. Encik Mohd Raime bin Ahmad
Ketua Jabatan
Politeknik Kota Bahru, Kelantan
194. Puan Favziyah binti Nafiah
Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak
195. Encik Shamsul Bahrain bin Md. Yusuf
Ketua Jabatan Matematik Sains & Komputer
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah
196. Encik Azman bin Zainal Abidin
Ketua Jabatan
Kolej Komuniti Teluk Intan, Perak
197. Encik Saidi bin Japari
Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran
Kolej Komuniti Kuching, Sarawak
198. Puan Noor Laila binti Abdul Rani
Ketua Jabatan
Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan

199. Puan Norlia binti Abd Rashid
Ketua Jabatan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor
200. Puan Rosniyati binti Abd Razak
Pensyarah
Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan
201. Puan Fathilah Begum binti Mohamed Maidin
Pensyarah
Politeknik Merlimau, Melaka
202. Puan Rozaina binti Abd. Latif
Pensyarah
Politeknik Merlimau, Melaka
203. Puan Santhy Subbarau
Pensyarah
Politeknik Banting, Selangor
204. Puan Noraina binti Abdul Rahman
Pensyarah
Kolej Komuniti Bentong, Pahang
205. Encik Hasnizam bin Hassan
Wakil Jabatan
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis
206. Ir. Chan Chee Meng
Wakil Jabatan
Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan
207. Encik Wan Ayub bin Wan Ahmad
Wakil Jabatan
Politeknik Kota, Terengganu
208. Puan Munirah binti Zakaria
Wakil Jabatan
Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan
209. Encik Azizan bin Abu Seman
Wakil Jabatan
Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Kedah

210. Encik Khairel Ezwan bin Haji Saad
Wakil Jabatan
Kolej Komuniti Langkawi, Kedah
211. Encik Ahmad Munair bin Zakaria
Wakil Jabatan
Kolej Komuniti Kulim, Kedah

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN AGENSI LAIN

212. Tuan Haji Hussain bin Yasin
Timbalan Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
213. Encik Jamil bin Rakon
Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
214. Puan Nurulhuda binti Abdullah
Timbalan Pengarah Sektor Sosial Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
215. Encik Abdullah Sani bin Haji Nordin
Timbalan Pengarah
Majlis Amanah Rakyat (MARA)
216. Puan Asnidar binti Aziz
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
217. Puan Rizawati binti Abd Kadir
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
218. Puan Aniyah binti Abdullah
Ketua Penolong Pengarah
Majlis Amanah Rakyat (MARA)

219. Puan Hamidah binti Sidek
Ketua Seksyen
Majlis Amanah Rakyat (MARA)
220. Puan Sinarsinari binti Mohd Hussain
Penolong Pengarah
Majlis Amanah Rakyat (MARA)
221. Puan Norsazila binti Nordin
Wakil Jabatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
222. Encik Hashim bin Adnan
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
223. Puan Lok Yim Pheng
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
224. Encik Othman bin Hamid
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
225. Encik T. Kuna Cegeram
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
226. Tuan Haji Mohamad Sabri bin Haji Mohd Arshad
Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat
227. Encik Jamaludin bin Jali
Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat

URUSETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

228. Encik Chin Weng Peng
Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan)
229. Encik Mohd Taupik bin Yusof
Timbalan Setiausaha (Pengurusan)
230. Puan Siti Ammarah binti Haji Ahmad
Setiausaha Bahagian Perkhidmatan

231. Puan Sharifah Sitti Saleha binti Habib Yusoff
Setiausaha Bahagian Cawangan Sabah
232. Puan Asfah binti Asmara
Setiausaha Bahagian Cawangan Sarawak
233. Puan Shahrul Bariah binti Mohd Yusof
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
234. Encik Mohd Yazid bin Sairi
Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan
235. Encik Megat Yusman bin Megat Jamaludin
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
236. Encik Mohd Azreey Shah bin Abd Aziz
Setiausaha Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib
237. Puan Wan Julia binti Wan Abd Ghani
Setiausaha Bahagian Pengambilan Bukan Guru
238. Encik Abu Bakar bin Ali
Pegawai Pengurusan Maklumat
239. Puan Hazlinda Balkesh binti Annuar
Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan Guru
240. Puan Norita Aryani binti Mohamed Noor
Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
241. Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh
Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
242. Puan Mazlina binti Abdul Kadir
Pegawai Perhubungan Awam
243. Puan Nadiah binti Said
Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan
244. Puan Noorjumaaton binti Razikin
Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

245. Puan Hayatee binti Hamdan
Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan
246. Cik Intan Nurhanim binti Azmi
Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
247. Encik Mohd Fauzi bin Kassim
Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan Bukan Guru
248. Puan Sofia Nafisa binti Che Mansor
Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan Bukan Guru
249. Cik Norfitriah binti Zainul Abidin
Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan Guru
250. Cik Siti Rohani binti Mohd Noor
Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
251. Cik Izzah Syazana binti Zainuddin
Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan
252. Cik Priyashini a/p Poongavanam
Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
253. Puan Nor Hasliza binti Mohamad Aripin
Penolong Setiausaha Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib
254. Encik Ahmad Shazwan bin Zaini
Penolong Setiausaha Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib
255. Encik Alphonso Jackson Bilong
Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan
256. Cik Aina Shaharina binti Ahmad
Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
257. Noralizatul Azma Mustapha@Abdullah
Penolong Setiausaha Bahagian Cawangan Sarawak
258. Puan None Fadzellawaty binti Jamaludin
Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan Bukan Guru

259. Encik Rezza Khazrin bin Kaman
Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
260. Encik H Hezrin Jeffry bin Daud Hong
Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan Bukan Guru
261. Cik Wan Nur Liyana binti Ramli
Penolong Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan



**ATUR CARA
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
22 – 24 JUN 2010**

| HARI PERTAMA : 22 JUN 2010 (SELASA) | |
|--|--|
| MASA | PERKARA |
| 1.45 petang | : Ketibaan peserta dan dif-dif jemputan |
| 2.30 petang | : Ketibaan: YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia |
| | : Nyanyian Lagu Negaraku |
| | : Bacaan Doa |
| | : Ucapan Aluan: YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran |
| | : Ucapan Perasmian: YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin |
| | : Minum Petang |
| | : Sidang Media |
| 4.00 petang | : Pembentangan Kertas Kerja 1 Tajuk: Pemerhatian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Ke Atas Calon Yang Ditemu Duga Untuk Lantikan Tetap Ke Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan: Antara Skim Perkhidmatan dan Kemenjadian Guru Pembentang: YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran |
| | Moderator: YBhg. Dato' Asariah binti Mior Shaharuddin Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan) |

HARI KEDUA : 23 JUN 2010 (RABU)

| MASA | PERKARA |
|-------------|---|
| 7.30 pagi | : Sarapan Pagi |
| 8.45 pagi | : Pembentangan Kertas Kerja 2 Tajuk: Kaedah dan Tata Cara Pemilihan Calon Bagi Mengikuti Kursus Perguruan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia – Satu Transformasi Pembentang: YBhg. Dr. Haji Zahri bin Aziz Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia |
| | : Pembentangan Kertas Kerja 3 Tajuk: Kurikulum Kursus Perguruan Di Institut Pendidikan Guru Malaysia – Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Rendah Yang Berwibawa Pembentang: YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia |
| | : Pembentangan Kertas Kerja 4 Tajuk: Kurikulum Kursus Perguruan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam – Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Menengah Yang Berwibawa Pembentang: YBhg. Prof. Dr. Zakaria bin Kasa Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| | Moderator Kertas Kerja 2, 3 dan 4: YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd. Husein Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran |

HARI KEDUA : 23 JUN 2010 (RABU)

: Pembentangan Kertas Kerja 5

Tajuk:

Tata Cara Pengambilan dan Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Pembentang:

YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Moderator:

YBrs. Puan Zaidah binti Mohamad Jaman
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pelajaran Malaysia

12.45 t/hari : Makan Tengah Hari

: Pembentangan Kertas Kerja 6

Tajuk:

Status Semasa dan Hala Tuju Program Perguruan IPTA

Pembentang:

YBhg. Prof Madya Dr. Zarida binti Hambali
Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

: Pembentangan Kertas Kerja 7

Tajuk:

Transformasi Keguruan: Inovasi Perkhidmatan Pendidikan

Pembentang:

YBhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Moderator Kertas Kerja 6 dan 7:

YBhg. Dr. Khair bin Mohamad Yusof
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

HARI KETIGA : 24 JUN 2010 (KHAMIS)

HARI KETIGA : 24 JUN 2010 (KHAMIS)

| MASA | PERKARA |
|--------------|---|
| 7.30 pagi | : Sarapan Pagi |
| 8.30 pagi | <p>: Forum: Transformasi Profesional Keguruan</p> <p>Pengerusi: YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran</p> <p>Panel 1: YBhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia</p> <p>Panel 2: YBhg. Tan Sri Alimuddin bin Haji Mohd Dom Ketua Pengarah Pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia</p> <p>Panel 3: YBhg. Dato' Haji Imran bin Idris Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia</p> |
| 10.30 pagi | <p>: Rumusan: YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran</p> |
| 12.00 t/hari | <p>: Majlis Penutupan</p> <p>: Ketibaan YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan Ketua Setiausaha Negara</p> <p>: Nyanyian Lagu Negaraku</p> <p>: Bacaan Doa</p> <p>: Ucapan: YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran</p> |

HARI KETIGA : 24 JUN 2010 (KHAMIS)

- | |
|--|
| : Ucapan Penutupan: YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan Ketua Setiausaha Negara |
| : Makan Tengah Hari |
| : Bersurai |



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI KUSAINI BIN HAJI HASBULLAH
PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
SEMPENA MAJLIS PERASMIAН
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
22 JUN 2010 (SELASA), 2.30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya jua dapat kita sama-sama berhimpun pada Persidangan Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pada kali ini. Saya mewakili Suruhanjaya berasa amat bertuah dengan kesudian YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin hadir bagi merasmikan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. SPP telah ditubuhkan pada tanggal 1 Januari 1974, berdasarkan syor Suruhanjaya DiRaja Aziz 1971. Mengikut Fasal 144(1), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya sebagai Pihak Berkuasa Melantik bertanggungjawab ke atas Anggota Perkhidmatan Pelajaran bagi urusan pelantikan ke jawatan tetap, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib. Anggota Perkhidmatan Pelajaran adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) yang berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang berkhidmat di Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan semua Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) perkhidmatan pendidikan. Sejak empat dekad penubuhannya, keanggotaan perkhidmatan pelajaran telah berkembang sebanyak 438,673 pada 31 Mei 2010 berbanding dengan 60,000 pada tahun 1971 sebagaimana yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya DiRaja Aziz. Ini bermakna pertambahan sebanyak 731%. Bagi Skim PPPT, keanggotaannya sehingga kini ialah seramai 9,161 dan dalam tahun 2010 iaitu sehingga Jun, seramai 306 orang telah dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada dalam pelbagai bidang pengkhususan.
3. Mengimbau persidangan pertama yang telah diadakan di Melaka pada 12 hingga 14 September 2006, tumpuan persidangan pada ketika itu meliputi usaha-usaha melaksanakan penanda arasan dengan amalan-amalan terbaik dari luar negara seperti negara Jepun dan New Zealand serta mengadakan perbandingan dari segi prosedur terbaik dan berkesan yang sesuai di samping mencari rumusan untuk usaha penambahbaikan kepada amalan dan prosedur yang sedang dijalankan oleh Suruhanjaya. Daripada tempoh tersebut hingga kini, Suruhanjaya telah melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaiannya. Untuk tujuan ini, sukacita ingin saya

menjelaskan tiga dari inisiatif utama yang telah dijalankan yang mempunyai kesan secara langsung kepada perkhidmatan.

- (a) Suruhanjaya telah melaksanakan permohonan untuk lantikan tetap secara *online* pada tahun 2008 sepenuhnya sebagai penambahbaikan kepada amalan sebelumnya iaitu permohonan secara manual dan portal. Proses ini telah memberi kemudahan yang besar kepada guru-guru, terutama guru-guru yang bertugas di pedalaman yang dapat mengakses internet;
- (b) selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mewujudkan jawatan khusus bagi guru/pensyarah/jurulatih di Politeknik dan Kolej Komuniti di KPTM, SPP telah dapat mempercepatkan proses pengambilan dan tapisan melalui rangkaian *JobsMalaysia* dan ini telah dapat mempercepatkan proses berkenaan;
- (c) satu inisiatif yang telah dimulakan pada tahun lalu iaitu 2009 ialah lantikan tetap melalui temu duga secara *in-situ* di Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPGM terhadap bakal-bakal guru yang telah menamatkan kursus pengajian ikhtisas mereka. *Exercise* ini telah dapat mengurangkan tempoh bagi Guru Sandaran Terlatih, GST daripada antara 9 hingga 15 bulan mengikut piagam pelanggan Suruhanjaya kepada satu tempoh yang lebih singkat iaitu tiga bulan. Walau bagaimanapun, inisiatif itu amat memerlukan kerjasama dan sokongan daripada agensi-agensi di KPM dan KPTM dari aspek perubahan dan penyelarasaran struktur serta jadual latihan yang dilaksanakan di IPGM. Sehubungan itu juga, usaha-usaha ini belum sampai kepada peringkat menyeluruh ke semua graduan IPGM, tetapi secara selektif, sebahagian besar telah dapat ditemu duga. Perkara yang harus diambil perhatian ialah mengenai isu bakal-bakal guru yang mengikuti kursus-kursus Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam, IPTA yang ditaja oleh Kementerian.

4. Kerana itulah persidangan kali ini lebih menekankan kepada melihat amalan-amalan dan proses dalaman sebagaimana yang terkandung dalam objektif persidangan selaras dengan usaha-usaha masa kini Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan. Justeru atas kesedaran tersebut, Suruhanjaya mengambil inisiatif untuk mengadakan persidangan kali ini yang bertemakan "**Transformasi Profesional Keguruan**". Pemilihan tema ini dibuat berdasarkan hasrat melaksanakan perubahan dan pembaharuan dalam profesion keguruan khususnya dan dalam sistem perkhidmatan pendidikan.

Objektif utama persidangan ini adalah:

- (a) menjulang martabat pendidik sebagai pembina negara bangsa;
- (b) menjana perkongsian maklumat dan ilmu ke arah memantapkan urusan pengambilan dan perkhidmatan; dan
- (c) mempelopori budaya kreatif dan inovatif dalam profesion keguruan.

Oleh itu, besarlah harapan Suruhanjaya agar semua peserta persidangan ini akan memanfaatkan sepenuhnya ruang dan peluang yang tersedia bagi membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik terhadap isu yang berbangkit berkaitan perkhidmatan pendidikan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sebanyak tujuh kertas kerja bakal dibentangkan dalam persidangan selama tiga hari ini. SPP melalui tiga kertas kerja, menyentuh secara dekat isu urusan temu duga pelantikan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, PPP, tatacara pengambilan dan pelantikan Anggota Perkhidmatan Pelajaran serta cadangan pembaharuan dalam perkhidmatan pendidikan. KPM melalui dua kertas kerjanya, akan membentangkan kaedah dan tata cara pemilihan calon-calon yang akan mengikuti Kursus Perguruan serta kurikulum yang diguna pakai di IPGM. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula akan berkongsi idea berkaitan kurikulum kursus perguruan yang sedang diimplementasi di IPTA. Tidak

ketinggalan, pihak KPTM melalui kertas kerjanya akan berkongsi pandangan tentang status semasa dan hala tuju Program Perguruan di IPTA. Pada hari ketiga persidangan, para peserta akan berpeluang untuk mendengar secara langsung pendapat dan pandangan daripada tiga orang tokoh dalam perkhidmatan pendidikan di dalam satu forum yang secara khusus akan membincangkan tema persidangan kita kali ini.

Sidang hadirin sekalian,

6. SPP sebagai salah satu Pihak Berkuasa Melantik terlibat secara langsung di dalam penyediaan modal insan dengan penuh komited akan memastikan hanya mereka yang benar-benar berkelayakan dan terlatih serta berkualiti sahaja dipilih dan dilantik untuk memasuki bidang perkhidmatan pendidikan. Ini dapat dilaksanakan melalui pemantapan Anggota Perkhidmatan Pelajaran dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, segala pandangan yang dilontarkan melalui persidangan ini akan kami terjemahkan ke dalam tindakan yang konstruktif ke arah mentransformasikan profesi perguruan.

YAB Tan Sri, Dato'-dato', Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan,

7. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan tahun 2010. Semoga Persidangan Perkhidmatan Pendidikan ini akan mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin dan memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kita secara keseluruhannya pada masa-masa akan datang.

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek hilir ke lautan,
Hati terkenang mulut menyebut,
Budimu tuan jadi ingatan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



TEKS UCAPAN

**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
22 JUN 2010 (SELASA), 2.30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Datuk Dr. Puad bin Zakarshi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perasmian Persidangan Perkhidmatan Pendidikan 2010 pada hari ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakam dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia di atas usaha menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan kali ini.

Persidangan ini adalah penting untuk kita bersama-sama menjana idea dan meneroka pendekatan baru ke arah meningkatkan prestasi perkhidmatan pendidikan selaras dengan usaha untuk melakukan transformasi dalam profesi keguruan.

3. Pengajuran program seumpama ini menunjukkan komitmen Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk memastikan setiap inisiatif ke arah meningkatkan prestasi profesi keguruan dapat diintegrasikan secara bersepadu di antara semua agensi yang terlibat. Ini pastinya akan dapat memberikan kesan yang positif kepada peningkatan kualiti perkhidmatan pendidikan secara komprehensif di negara ini.
4. Sesungguhnya, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam usaha untuk membangun dan memajukan negara. Hasil keutamaan yang diberikan kepada sektor pendidikan dalam dasar pembangunan negara, sektor ini telah melalui perkembangan yang amat pesat dalam pelbagai aspek termasuk penyediaan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, pembinaan kurikulum dan pengurusan pendidikan yang kesemuanya bermatlamat untuk meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan negara.
5. Malah, dalam sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama, pendidikan di negara kita juga berperanan sebagai satu wahana yang ampuh untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan harmoni. Dengan melaksanakan satu sistem pendidikan kebangsaan, Kerajaan berhasrat untuk memupuk nilai-nilai perpaduan yang positif di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Nilai-nilai ini yang disemai sejak dibangku persekolahan lagi pastinya akan dapat memupuk sikap rakyat yang positif terhadap perpaduan dan kerukunan hidup dalam sebuah masyarakat majmuk.
6. Oleh kerana pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kemajuan dan perpaduan negara dapat dicapai, profesi keguruan sentiasa mendapat perhatian utama Kerajaan. Kita sedar bahawa kunci kepada kejayaan sistem

pendidikan kita ialah guru-guru yang berdedikasi, berintegriti dan berkualiti. Apatah lagi dalam usaha kita untuk memenuhi tuntutan Model Baru Ekonomi, keperluan kepada guru yang berkualiti menjadi semakin kritikal. Hanya guru yang berkualiti sahaja dapat menggarap potensi murid dengan sebaik-baiknya bagi melahirkan modal insan yang diperlukan untuk memacu ekonomi berpendapatan tinggi.

7. Oleh itu, inisiatif ke arah meningkatkan kualiti profesion keguruan mesti diperkasakan lagi. Guru-guru perlu dipastikan memiliki keterampilan untuk menggarap potensi pelajar secara holistik supaya mereka akhirnya menjadi peneroka ilmu yang berdikari, pemikir yang kritis, penyelesai masalah yang kreatif, pencipta teknologi yang inovatif dan memiliki nilai kebertanggungjawaban yang tinggi kepada masyarakat.
8. Di samping itu, jangan kita lupa bahawa pendidikan di negara kita juga sentiasa dipandu oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan insan yang sempurna dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ini bermakna, tugas utama guru ialah untuk mendidik murid menjadi individu yang cemerlang, bukan sahaja dari segi pencapaian akademik, tetapi juga dari aspek pembentukan sahsiah yang mulia. Untuk memastikan hasrat murni pendidikan ini dapat dicapai, perkhidmatan pendidikan di negara kita memerlukan guru-guru yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran, tetapi juga memiliki integriti, etika kerja dan nilai moral yang tinggi.
9. Untuk memenuhi tuntutan ini, warga profesion keguruan mesti melakukan transformasi segera untuk memastikan supaya mutu dan piawai perkhidmatan pendidikan sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Untuk memastikan kejayaan program transformasi profesion keguruan, aspek penting yang perlu diberikan perhatian ialah pemantapan profesionalisme keguruan melalui latihan guru yang komprehensif, proses pelantikan yang cekap dan pemberian insentif bagi guru-guru yang menunjukkan pencapaian cemerlang. Semasa sambutan Hari Guru baru-baru ini, saya telah mengumumkan ganjaran kepada guru-guru yang mencapai tahap

kecemerlangan dalam perkhidmatan. Satu makmal khas bagi membincang kaedah dan cara untuk meningkatkan kualiti guru juga telah diwujudkan dan Kerajaan sedang melaksanakan syor-syor yang dihasilkan oleh makmal tersebut mengikut kesesuaian. Ini termasuklah:

Pertama, mengadakan kempen merekrut calon-calon guru terbaik untuk mengikuti kursus-kursus perguruan di Institut Pendidikan Guru, IPG dan Institusi Pengajian Tinggi Awam;

Kedua, memastikan guru-guru menumpukan masa yang lebih efektif kepada tugas mengajar di sekolah dan bukannya tugas-tugas perkeranian yang tidak berkaitan dengan tanggungjawab sebagai guru. Jawatankuasa Khas Mengkaji Bebanan Tugas Guru telah menyiapkan laporan awal yang mengandungi langkah-langkah untuk meringankan bebanan tugas guru dan meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Langkah-langkah sedang diambil oleh pihak kementerian untuk mengurangkan tugas perkeranian guru supaya guru-guru dapat menumpukan perhatian kepada tugas utama meningkatkan prestasi murid melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

Ketiga, untuk meningkatkan akauntabiliti IPG, Kementerian Pelajaran akan memperkenalkan sistem penarafan IPG berasaskan tahap kecemerlangan masing-masing. Penarafan yang sama akan dibuat untuk merangkumi IPG dan fakulti-fakulti pendidikan di institusi-institusi pendidikan tinggi awam tempatan yang menawarkan kursus perguruan.

Keempat, Kementerian Pelajaran akan melipat gandakan usaha untuk merekrut guru-guru yang berkualiti dalam bidang kritikal seperti bidang Bahasa Inggeris; dan

Kelima, untuk menambah baik laluan kerjaya guru, kementerian sedang menimbang pelaksanaan sistem kenaikan pangkat berteraskan kompetensi yang menyediakan laluan kenaikan pangkat berasaskan merit yang lebih cepat berbanding kaedah konvensional.

10. Dari segi latihan dan pelantikan guru, buat masa ini pemilihan calon untuk mengikuti kursus perguruan dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Unit Pusat Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Mereka yang telah lulus latihan kemudiannya akan dilantik sebagai guru oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Apa yang pasti, dalam melaksanakan tindakan ini, sewajarnya perkongsian maklumat dari segi data pelatih antara Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dapat diperkemaskan supaya proses pelantikan dapat dilaksanakan dengan cekap, pantas dan berkesan. Melalui perkongsian maklumat pelatih antara agensi-agensi yang berkaitan ini, saya percaya calon yang telah lulus kursus perguruan tidak perlu lagi dilantik sebagai Guru Sandaran Terlatih, sebaliknya boleh terus dilantik sebagai guru tetap. Dengan cara ini, Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa, tetapi juga memberikan status perjawatan yang lebih baik kepada guru-guru yang telah dilatih.
11. Dalam melaksanakan transformasi ini, warga profesion keguruan perlu bertindak secara lebih proaktif dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih cekap, berkualiti dan berintegriti di samping menjana idea-idea baru bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan pendidikan. Warga profesion keguruan perlu sentiasa berfikir untuk melakukan perubahan dan pembaharuan paradigma kerja serta inovasi yang akan mendatangkan kesan yang positif dalam pelaksanaan tugas-tugas keguruan. Matlamat akhir transformasi ini ialah untuk memastikan agar setiap murid di negara ini, tanpa mengira kaum, agama dan taraf ekonomi mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.
12. Transformasi ini adalah satu tanggungjawab kolektif yang perlu digalas secara bersama bermula dari peringkat bawah sehingga ke peringkat pengurusan tertinggi. Tindakan ini memerlukan disiplin yang kental, komitmen terhadap tugas, kesetiaan terhadap perkhidmatan, ketabahan hati dan minda yang terbuka. Selain itu, usaha-usaha pemantapan kualiti perkhidmatan

- juga perlu dilakukan dengan mengambil kira pandangan masyarakat umum terhadap isu-isu pendidikan semasa yang boleh dijadikan input penting dalam proses penambahbaikan mutu perkhidmatan.
13. Transformasi dalam bidang pendidikan adalah sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini. Pelan hala tuju ini yang merupakan satu perancangan negara yang strategik dan komprehensif bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara dan kualiti hidup rakyat. Alhamdulillah, pelan hala tuju ini telah disambut baik oleh rakyat dan juga masyarakat antarabangsa. Penarafan oleh *Institute of Management Development* dalam *World Competitiveness Yearbook 2010* yang meletakkan Malaysia di tangga ke-10 dalam senarai negara paling berdaya saing di dunia, berbanding tangga ke-18 pada tahun lalu, menjadi bukti bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara melalui program transformasi Kerajaan telah menunjukkan hasil yang amat positif. Saya berharap agar transformasi yang dilaksanakan dalam profesion keguruan akan dapat meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita yang pastinya akan menyumbang kepada kelestarian peningkatan daya saing negara.
14. Sesungguhnya, masih banyak lagi yang perlu dilakukan oleh warga profesion keguruan untuk memastikan kualiti sistem pendidikan negara kita setanding dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Kualiti pendidikan yang ditawarkan pada hari ini akan menentukan daya saing negara di masa hadapan. Justeru, warga perkhidmatan pendidikan tidak terkecuali daripada melakukan transformasi segera dan bekerja dengan lebih gigih untuk memantapkan kualiti pendidikan negara.
15. Saya berharap agar persidangan ini akan menjadi medan terbaik untuk mengenalpasti pembaharuan-pembaharuan yang perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara. Pembaharuan perkhidmatan pendidikan yang berterusan terutamanya dalam aspek peningkatan kemahiran dan latihan

adalah penting kerana ia adalah kunci utama kepada peningkatan kecekapan perkhidmatan pendidikan.

16. Persidangan ini juga wajar memberikan fokus kepada usaha untuk menyelaraskan tindakan semua agensi dalam sektor pendidikan agar setiap dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik. Saya percaya segala ilmu, kepakaran dan pengalaman yang saudara dan saudari miliki dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan dikongsi bersama dalam persidangan ini untuk menghasilkan resolusi yang bernalas bagi menjayakan proses transformasi sistem pendidikan negara.
17. Akhir kata saya berharap agar persidangan ini akan menjadi medan perkongsian idea yang bermakna dan bermanfaat ke arah memantapkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan di negara kita. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan tahun 2010.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualikum warrahmatullahi wabarakatuh.



RUMUSAN**PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
22-24 JUN 2010**

Persidangan Perkhidmatan Pendidikan diadakan untuk memberi peluang kepada peserta persidangan berkongsi maklumat mengenai hal ehwal pelantikan dan perkhidmatan disamping menjadi medan untuk memahami kurikulum latihan perguruan. Perbincangan dan cetusan idea yang diperolehi dalam persidangan ini boleh dijadikan panduan ke arah membentuk tata cara pengambilan dan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, PPP yang lebih mantap sejajar dengan tuntutan semasa.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAN RUMUSAN

Persidangan Perkhidmatan Pendidikan yang berlangsung selama 3 hari mulai 22 hingga 24 Jun 2010 berjaya membentangkan tujuh kertas kerja iaitu:

- (a) Pemerhatian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Ke Atas Calon Yang Ditemu Duga Untuk Lantikan Tetap Ke Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan: Antara Skim Perkhidmatan Dan Kemenjadian Guru;
- (b) Kaedah Dan Tata Cara Pemilihan Calon Guru Bagi Mengikuti Kursus Perguruan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) – Satu Transformasi;
- (c) Kurikulum Kursus Perguruan Di Institut Pengajian Tinggi Awam – Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Rendah Yang Berwibawa;
- (d) Kurikulum Kursus Perguruan Di Institut Pengajian Tinggi Awam – Lonjakan Ke Arah Melahirkan Guru Sekolah Menengah Yang Berwibawa;

- (e) Tata Cara Pengambilan dan Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan;
- (f) Status Semasa dan Hala Tuju Program Perguruan IPTA; dan
- (g) Transformasi Keguruan: Inovasi Perkhidmatan Pendidikan.

Persidangan merumuskan:

1. Bahawa peranan SPP dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan dilaksanakan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun bagi urusan kenaikan pangkat, Perkara 144(5B)(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan penubuhan suatu Jemaah yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong untuk melaksanakan urusan ini. Dengan penetapan itu Suruhanjaya tidak lagi melaksanakan urusan berkenaan.
2. Bahawa temu duga merupakan satu platform untuk mengenalpasti calon memenuhi skim perkhidmatan dan memiliki kriteria dari aspek mengesan potensi “kemajuan guru”.
3. Bahawa pengambilan dan penempatan Guru Sandaran Terlatih, GST oleh KPM adalah antara aspek yang mempengaruhi pelantikan tetap PPP.
4. Bahawa wujud isu *mismatch* di peringkat pemilihan, latihan dan penempatan. Ini disebabkan opsyen yang ditawarkan tidak selaras dengan ijazah yang dimiliki oleh calon. Ia akan merugikan negara dari segi penggunaan modal insan berdasarkan kebolehan dan kelayakan. Berlaku juga *mismatch* dari segi penetapan gaji permulaan yang berdasarkan kepada kelayakan akademik dan bukannya kepada beban tugas.
5. Supaya diwujudkan perkongsian maklumat antara SPP, KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, KPTM secara atas talian bagi memudahkan capaian untuk tujuan pelantikan dan penempatan.
6. Bahawa KPM telah memperkemaskan syarat kemasukan calon ke kursus perguruan sebagai penanda aras bagi menjamin kualiti guru yang bakal dilahirkan. Di samping itu, calon juga disaring menerusi ujian MTest dan INSAK untuk semua bentuk kursus

perguruan.

7. Bahawa pembinaan sahsiah guru dijelmakan melalui kurikulum yang berteraskan konsep ketuhanan, kendiri dan kemasyarakatan. Justeru, program yang dirangka meliputi aktiviti pertukaran pelajar, praktikum di sekolah dan kokurikulum. Walau bagaimanapun, tempoh kursus bagi KPLI dan DPLI membataskan pelatih memahami dan menghayati kehendak-kehendak kurikulum.
8. Supaya wujud persefahaman antara KPM dan KPTM untuk melaksanakan kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat.
9. Supaya isu pengiktirafan ijazah sepatutnya diselesaikan apabila sesuatu kursus dilaksanakan.
10. Bahawa tata cara pengambilan PPP mengambil kira kedudukan calon yang telah ditempatkan sebagai GST dan mereka yang sedang berkhidmat serta memperolehi kelayakan ijazah untuk dilantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.
11. Bahawa calon hendaklah bertanggungjawab ke atas permohonan yang dibuat dan berhadapan penalti dari segi tarikh lantikan jika didapati cuai untuk mematuhi prosedur pelantikan yang ditetapkan.
12. Bahawa laporan penilaian prestasi oleh pengetua dan guru besar hanya menjadi panduan kepada panel temu duga dan tidak menjadi faktor penentu calon lulus atau gagal dalam temu duga.
13. Supaya KPTM bertindak menyelaraskan program-program pendidikan di IPTA berdasarkan 10 perkara berikut:
 - (a) Kurikulum Program Pendidikan Guru;
 - (b) Program Latihan Mengajar;
 - (c) Kemudahan, Infrastruktur dan Persekuturan Pembelajaran;
 - (d) Ambilan Guru dan Penempatan Graduan;
 - (e) Kelayakan Akademik, Kepakaran dan Tahap Profesionalisme Staf;
 - (f) Aktiviti Akademia;

- (g) Hubungan Dengan Industri dan Komuniti;
 - (h) Pengantarabangsaan Program Pendidikan Guru;
 - (i) Program Perkembangan Profesional Pendidikan Guru; dan
 - (j) *Graduate Teachers Attribute.*
14. Supaya skim PPP perlu kepada penjenamaan semula dengan mengambil kira laluan kerjaya yang lebih menarik.
 15. Supaya lantikan GST dan Guru Sandaran Tidak Terlatih, GSTT dimansuhkan secara berperingkat kerana:
 - (a) pertambahan institusi yang mengendalikan kursus perguruan bagi melahirkan guru yang terlatih; dan
 - (b) GST dan GSTT tidak menikmati faedah sebagai anggota Kerajaan.
 16. Supaya Ketua Jabatan lebih peka untuk mempercepatkan urusan perkhidmatan dan tatatertib bagi menjamin standard dan kebajikan guru terpelihara.
 17. Supaya pemilihan calon untuk mengikuti kursus perguruan anjuran KPM perlu melibatkan sama SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik.



TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN
PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
24 JUN 2010 (KHAMIS), 12.00 TENGAH HARI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia Nya, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Penutupan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan pada tengah hari ini.
2. Tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) atas usaha menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan dengan tema “Transformasi Profesional Keguruan”. Persidangan kali ini telah berjaya menghimpunkan semua Ketua Jabatan yang menguruskan perkhidmatan pelajaran, dari seluruh negara. Antara tujuannya adalah bagi menjana pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif ke arah penambahbaikan serta transformasi

pengurusan perkhidmatan pelajaran.

3. Saya percaya melalui perbincangan kertas kerja dan forum yang telah diadakan dalam persidangan ini, semua yang hadir telah dapat menghayati serta mendalamai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap penjawat awam yang terlibat dalam pengurusan perkhidmatan pelajaran, baik di peringkat agensi pusat, Suruhanjaya, Kementerian dan agensi serta jabatan di bawahnya. Dengan adanya perbincangan secara terbuka ini, pastinya akan dapat membantu memastikan aspirasi negara ke arah mencapai pendidikan bertaraf dunia akan dapat direalisasikan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Sebagaimana sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan empat tonggak utama untuk dilaksanakan oleh pentadbiran awam bagi menjayakan agenda negara, iaitu Gagasan “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”; Program Transformasi Kerajaan; Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10.
5. Setiap tonggak tersebut mempunyai matlamatnya yang tersendiri bagi memacu pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Keempat-empat tonggak ini juga amat berkait rapat dengan peranan institusi pendidikan, khasnya oleh pegawai perkhidmatan pendidikan yang menjadi pendukung utamanya dan pegawai lain yang terlibat dalam pengurusan perkhidmatan pelajaran.
6. Guru-guru berperanan penting untuk menyebarkan maklumat tepat mengenai aspirasi dan dasar-dasar negara kita. Ini kerana guru merupakan salah satu ejen utama yang berada dekat dengan masyarakat setempat, khususnya dengan kanak-kanak. Bagi memastikan signifikannya rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan, guru-guru berkualiti yang dilahirkan melalui pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan sewajarnya sentiasa bersedia untuk mencurahkan bakti, berkhidmat di kawasan pedalaman walaupun kawasan tersebut mungkin serba

kekurangan dari segi kemudahan asas, alat bantuan mengajar dan sebagainya.

7. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, nilai-nilai murni hendaklah terus diterapkan ke dalam perkhidmatan awam. Penghayatan dan aplikasi Teras Perkhidmatan Awam, Budaya Kerja Cemerlang dan Etika Perkhidmatan Awam merupakan asas utama kepada profesionalisme seseorang penjawat awam. Semua ini hendaklah selari dengan kesopanan dan ketertiban dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Oleh kerana pembentukan sahsiah dan pekerti serta nilai dan sikap itu merupakan antara elemen yang mempengaruhi prestasi individu di dalam organisasi, amatlah perlu bagi kita mengukuhkan budaya kerja cemerlang dan sentiasa berfikiran positif. Sebagai penjawat awam juga, kita dituntut untuk berkhidmat dengan penuh integriti dan sentiasa menjaga imej dan maruah perkhidmatan awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Melalui Program Transformasi Kerajaan, Enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA telah dikenal pasti untuk diberikan tumpuan. Salah satunya adalah berkaitan peningkatan pencapaian pelajar. Bagi memastikan perkara ini tercapai, beberapa pendekatan telah dicadangkan. Antaranya ialah mewujudkan 20 buah Sekolah Berprestasi Tinggi yang telah pun diumumkan pada awal tahun ini dan 100 buah lagi menjelang 2012, serta mewujudkan instrumen saringan dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran tahun satu, iaitu Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dengan kepakaran hampir 17,000 anggota perkhidmatan pendidikan. Melalui usaha ini adalah diharapkan anak-anak kita akan mendapat manfaat yang lebih baik, dan akhirnya melahirkan generasi yang lebih berdaya saing.
9. Adalah tidak dinafikan bahawa keperluan infrastruktur juga penting bagi menghasilkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa pembangunan infrastruktur sehingga ke tahap MEGA dalam bidang pendidikan perlu difikirkan semula.

Untuk memperkasakan bidang pendidikan, adalah lebih baik tumpuan pembangunan diberikan kepada *software* atau pengisian pendidikan itu sendiri.

10. Saya ingin memberikan contoh beberapa institusi pendidikan yang berjaya di mana pada hemah saya, kejayaan mereka diusahakan menerusi tumpuan pembangunan dalam *software* pendidikan itu sendiri. Saya telah melawat Universiti Malaysia Kelantan, UMK pada 9 Jun 2010. Apa yang mengagumkan ialah fizikal prasarana UMK ini adalah terdiri dari deretan rumah-rumah kedai yang dijadikan bilik-bilik kuliah, dan pejabat pentadbiran yang akhirnya membentuk UMK itu sendiri. Walaupun tanpa infrastruktur yang indah, pengisian dan kualiti pengajian di peringkat tertinggi diberi keutamaan sepenuhnya.
11. Perkara yang sama juga berlaku kepada *New Hampshire College* di Amerika Syarikat di mana saya membuat MBA pada tahun 1982 lalu. Apabila saya ingin melawat semula kolej ini selepas berkursus di *Harvard University* pada tahun 2002, saya dapati bangunan kolej ini telah bertukar menjadi *Public Library*. Walaupun ia tidak gah dengan bangunan yang indah, pengisian pendidikan di kolej ini diberi tumpuan, umpamanya dengan menjemput pensyarah-pensyarah dari *Harvard University* untuk mengajar sambilan di kolej tersebut. Saya berharap perkara-perkara ini wajar menjadi teladan kepada kita untuk memberi tumpuan yang lebih kepada pengisian pendidikan di setiap peringkat terutamanya di sekolah-sekolah.
12. Dalam menekankan aspek perubahan dalam bidang pendidikan, transformasi yang serupa perlu wujud dalam diri setiap pendidik yang diamanahkan untuk mendidik generasi bangsa demi kesinambungan pembangunan negara. Sehubungan itu, para pendidik atau guru perlu mempunyai sikap atau sifat yang positif dalam menyumbang tenaga kepada kejayaan falsafah pendidikan negara. Ini kerana hanya dengan penglibatan dan perubahan sikap oleh semua pihak, transformasi pendidikan yang dihasratkan oleh pucuk pimpinan negara akan tercapai bagi manfaat setiap rakyat seluruh negara, khususnya dalam meningkatkan kualiti

pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

13. Dalam hubungan ini, saya ingin berkongsi pengalaman SK Cherok Paloh, di Kuantan, Pahang. Saya telah mencabar SK Cherok Paloh pada bulan Februari 2009 agar menghasilkan lebih ramai pelajar yang akan mendapat keputusan 5A dalam UPSR. Ini disebabkan SK Cherok Paloh ini dilengkapi dengan kemudahan fizikal yang serba moden serta bilangan pelajar yang sedikit, tetapi hanya menghasilkan seorang sahaja pelajar 5A pada setiap tahun atau tiada langsung. Hasilnya, dengan komitmen guru besar, guru-guru, ibu-bapa dan pelajar yang sama, SK Cherok Paloh telah berjaya menghasilkan 4 orang pelajar 5A dan 5 orang 4A dalam tempoh 7 bulan sahaja. Hakikatnya, sasaran bilangan ini mereka jangkakan pada awalnya dapat dicapai pada tahun 2013. Saya berkeyakinan tinggi bahawa jika semua guru-guru mempunyai komitmen dan keikhlasan, tiada perkara yang mustahil untuk tidak boleh dicapai dalam memartabatkan kecemerlangan pendidikan di Malaysia. *It's all about changing the mind set.*

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, sikap mengutamakan kepantasan bertindak dan membuat keputusan amat dititikberatkan. Dalam dunia globalisasi yang serba bersaing ini, agensi-agensi Kerajaan perlu bekerjasama secara bersinergi dengan pihak swasta bagi mempertingkatkan daya saing negara. Bahkan, kerjasama di kalangan jabatan dan agensi Kerajaan harus diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang membolehkan sempadan birokrasi dihapuskan dan perkongsian idea, ilmu dan maklumat dibudayakan. Jabatan dan agensi Kerajaan tidak boleh lagi bekerja atau bertindak dalam keadaan silo, tetapi hendaklah mengoptimumkan kepakaran dan keupayaan masing-masing bagi melakukan perubahan yang berimpak tinggi dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan.
15. Dalam hubungan ini, saya ingin menyarankan agar SPP, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi mengintegrasikan pangkalan maklumat masing-masing bagi

membolehkan ketiga-tiga pihak dapat berkongsi maklumat secara pintar. Saya percaya faedah yang dapat dinikmati oleh ketiga-tiga pihak amat besar, apabila sistem maklumat kesemua agensi yang menguruskan hal ehwal perkhidmatan pelajaran dapat berkomunikasi antara satu sama lain dengan lancar dan tanpa sekat. Seterusnya akan dapat melaksanakan program masing-masing berlandaskan maklumat yang lebih luas, bermakna dan tepat.

16. Sebagai contoh, SPP boleh mengendalikan urusan pengambilan dan perkhidmatan dengan lebih cepat dan cekap memandangkan maklumat tentang guru-guru pelatih dapat dicapai dari sistem maklumat Kementerian Pelajaran. Seterusnya, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dapat membuat analisa serta mengambil tindakan yang proaktif berdasarkan maklumat yang boleh dicapai dari sistem maklumat di SPP.
17. Justeru, adalah diharapkan supaya integrasi sistem maklumat ketiga-tiga pihak akan dilaksanakan dengan segera. Dalam hal ini, khidmat nasihat kepakaran yang terdapat di MAMPU hendaklah digembeleng bagi menerajui komitmen untuk mengintegrasikan sistem maklumat SPP dengan kementerian-kementerian yang berkenaan.
18. Memandangkan semakin ramai siswazah yang menunjukkan minat untuk mengikuti kursus Diploma Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam, maka adalah wajar proses pengambilan guru dipermudahkan dan dilaksanakan terus oleh SPP. Calon guru tidak perlu lagi melalui proses lantikan Kementerian Pelajaran sebagai Guru Sandaran Terlatih. Tindakan ini boleh dilaksanakan dahulu dalam opsyen-opsyen tertentu khususnya kepada calon yang mengikuti kursus Diploma Pendidikan di IPTA. Namun demikian walaupun proses dipermudahkan, aspek kualiti pastinya tidak boleh ditolak ansur, malah dipertingkatkan lagi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Sebagaimana yang saya sebutkan pada peringkat awal ucapan ini, Kerajaan telah memperkenalkan gagasan “1Malaysia” dalam

menjayakan agenda negara. Dalam hubungan ini saya berharap, konsep “1Malaysia” dapat dihayati dengan jayanya dalam bidang pendidikan negara. Ini termasuk memberi penekanan terhadap pelaksanaan konsep ini di sekolah-sekolah dalam pelbagai aktiviti pelajar atau dalam urusan pentadbiran dan pengurusan sekolah. Kita mempunyai hasrat yang satu iaitu ingin melihat kecemerlangan sistem pendidikan negara, dapat dijayakan oleh semua pihak tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Untuk itu, pengukuran atau kecemerlangan seseorang guru perlu dinilai berdasarkan MERIT dan kesesuaian bidang pengajarannya. Perkara ini akan membantu sistem pendidikan negara melahirkan guru-guru terbaik tanpa mengira latar belakang mereka dan seterusnya berharap mereka akan melahirkan pelajar-pelajar yang benar-benar berkualiti dan kaya dengan sikap integriti. Saya percaya jika kita telus dan ikhlas dalam menjayakan konsep “1 Malaysia” ini, sudah pasti sistem pendidikan negara akan menerima pengiktirafan yang sewajarnya di peringkat dunia.

20. Saya juga ingin menekankan agar dalam kita mengejar untuk melahirkan kuantiti pelajar cemerlang yang lebih ramai, kualiti kecemerlangan tersebut perlulah benar-benar menjadi bukti kepada pencapaiannya. Umpamanya, pada hari ini kita dapat melihat bilangan pelajar yang meraih keputusan dengan subjek A, dapat dilahirkan dalam jumlah yang ramai berbanding pada masa lalu. Dalam hubungan ini, wajar kita meneliti sama ada bilangan pelajar cemerlang yang ramai ini, merupakan bukti akan keberkesanan sistem pendidikan negara. Justeru itu, dalam usaha mengekal dan meningkatkan kuantiti pencapaian ini, kita seharusnya tidak bertolak ansur dengan kualiti pengajaran dan peperiksaan yang dikendalikan. Ini penting kerana pelajar-pelajar ini merupakan ketua di masa hadapan.

Saudara/Saudari yang dihormati,

21. Kejayaan tidak akan datang dengan sendiri, tanpa usaha yang gigih serta komitmen yang padu untuk mencapainya. Semoga usaha yang dilaksanakan dapat memastikan perkhidmatan awam, khususnya perkhidmatan pelajaran terus bergerak pantas dan

berfungsi dengan berkesan bagi membolehkan rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik, sekaligus memastikan sumbangan perkhidmatan awam terus relevan dan diperlukan dalam memacu pembangunan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Sebagaimana sedia maklum, Laporan IMD telah mengumumkan bahawa Malaysia adalah negara ke-10 paling kompetitif di dunia. Prestasi ini telah melonjak dengan amat ketara berbanding tempat ke-18 dalam tahun 2009. Pengiktirafan ini meletakkan negara kita sebaris dengan negara yang paling berdaya saing di dunia seperti Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Switzerland, Australia dan Taiwan.
23. Kejayaan ini adalah hasil usaha yang berterusan dalam menambah baik serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Walaupun pencapaian ini adalah amat menggembirakan, namun kita tidak seharusnya merasa selesa tetapi hendaklah terus berusaha mempertingkat prestasi supaya Malaysia tergolong dalam lima tangga teratas pula. Melalui usaha yang berfokus dan kesungguhan yang tinggi oleh semua pihak, saya percaya kita boleh merealisasikannya.
24. Akhir kata, saya berharap semua yang hadir dalam persidangan pada kali ini dapat meneruskan tekad untuk sama-sama memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh integriti kerana jawatan yang kita sandang tidak dapat dipisahkan daripada tanggungjawab yang datang dengannya.
25. Dengan itu, serta dengan lafadz *Bismillahir rahmanir rahim*, secara rasminya saya menutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan 2010.

Sekian.

Wabillahittaufik walhidayah, wassalamualikum warrahmatullahi wabarakatuh.

